

Anti Hadis
Chedet.cc
26 February 2014
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Saya tahu tulisan saya ini tidak akan dibaca oleh orang yang menghukum saya sebagai anti-hadis. Orang lain juga akan dilarang membaca tulisan ini. Mereka yang menghukum saya takut kalau-kalau hukuman mereka dipersoal. Mereka hendak segala-gala yang diperkatakan oleh mereka diterima bulat-bulat sebagai fatwa yang wajib diterima seperti firman Allah s.w.t. dalam Al-Quran.
2. Orang yang benar, berani. Orang yang takut, takut kerana salah atau mungkin didapati salah.
3. Memberi label dan mengecap orang apabila kita tidak bersetuju dengannya memanglah satu cara orang yang tidak sanggup berhujah. Terima sahajalah apa yang didakwa oleh mereka tanpa berfikir. Jangan guna akal fikiran yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. kerana ini kononnya dilarang oleh agama Islam.
4. Saya sekarang dilabel, iaitu diberi gelaran atau dicap anti-hadis kerana kononnya saya sudah jadi penyokong Kassim Ahmad yang telah diberi gelaran yang sama.
5. Saya juga diberitahu bahawa sebagai seorang yang tidak tahu bahasa Arab maka saya tidak berhak bercakap berkenaan agama Islam.
6. Hari ini kita lihat ummat Islam berpecah, bermusuhan sesama mereka, berperang dan membuat kerja orang Yahudi dan Nasrani. Siapakah yang membawa malapetaka ini kepada orang Islam dan Negara-negara mereka. Bukankah mereka fasih dalam bahasa Arab bahkan penasihat dan pemimpin mereka terpelajar dengan dalamnya ajaran Islam dalam Al-Quran dan hadis Nabi. Saya sendiri sering mendengar mereka dari kedua-dua belah, mengeluarkan ayat Quran dan hadis bagi menghalalkan perbuatan mereka.
7. Ya, saya tak tahu bahasa Arab. Justeru itu saya terpaksa terima apa sahaja yang diajar kepada saya dalam bahasa Melayu sebagai ajaran Islam. Apakah kerana saya menerima Islam dalam bahasa Melayu maka ia bukan Islam. Apakah saya tidak Islam. Apakah lafaz dua kalimah syahadat oleh saya tidak boleh diterima.
8. Selain dari khatam Quran semasa umur belasan tahun, saya baca terjemahan Quran dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Ya, memang terjemahan Quran bukan Quran. Tetapi bolehkah kita kata terjemahan ajaran Islam yang diajar kepada kita dalam bahasa Melayu bukan Islam? Jika apa yang disampaikan dalam bahasa Melayu berkenaan agama Islam bukan Islam, majoriti orang Melayu bukanlah Islam.
9. Saya dan rakan-rakan saya pernah dihukum kafir kerana sebagai ahli parti tertentu telah bekerjasama dengan orang kafir. Tidak ada siapa yang fasih berbahasa Arab dan mendalami ajaran Islam yang mempertahankan saya apabila dituduh kafir. Mungkin sebabnya ialah mereka bersetuju saya kafir.

10. Kemudian orang yang mengkafirkan saya bekerjasama dan berpeluk-peluk dengan orang kafir. Tetapi tidak ada orang yang mendalami agama Islam yang fasih berbahasa Arab mendakwa mereka ini kafir. Saya tertanya-tanya apakah kelebihan mereka? Apakah mereka maksum?

11. Orang yang fasih berbahasa Arab dan mengenal diri sendiri sebagai ulama Islam dan mursyid telah berkata ia sanggup bekerjasama dengan syaitan jika syaitan menyokongnya. Orang yang fasih berbahasa Arab dan tahu larangan dalam Al-Quran terhadap bekerjasama dengan syaitan, tidak membuat tuduhan apa-apa, jauh sekali dari memberi apa-apa label kepadanya. Kenapa?

12. Bukan sahaja orang Arab yang fasih bahasa Arab yang berpecah dan bermusuh sesama Islam, tetapi di Malaysia juga perpecahan berlaku apabila orang yang digelar ulama dan fasih dalam bahasa Arab memisahkan diri dan memecahkan perpaduan orang Islam kerana tidak dapat tempat di dunia, tidak dipilih jadi Yang Berhormat. Sehingga sekarang perpecahan ini berlaku. Maka lemahlah orang Islam dan terpaksa mereka mengemis untuk mendapat sokongan orang bukan Islam. Maka berpeluk-peluklah mereka. Tidak ada ulama yang berkecuali yang mendesak supaya semua orang Islam bersatupadu dan bersaudara semula.

13. Orang yang sama juga mendakwa bahawa Allah s.w.t. mencarut. Tiada siapa dari orang yang fasih berbahasa Arab dan tahu secara mendalam ajaran Islam yang menyangkal dakwaan ini. Mungkin ada hadis yang berkata demikian. Saya belum jumpa. Sila tunjuk kepada saya hadis yang berkata Tuhan mencarut.

14. Dalam ajaran Islam, ada yang wajib dan ada yang sunnat. Kita diberitahu yang sunnat boleh kita terima dan tunaikan tetapi tidaklah kita bersalah jika kita tidak tunaikan. Tetapi ada gesaan bahawa yang sunnat itu wajib dan mesti diterima dan diamalkan walaupun bercanggah dengan firman Tuhan dalam Al-Quran.

15. Hadis adalah sunnah Nabi. Saya ingin tahu samada hadis wajib dan mesti diterima. Betulkan saya.

16. Apa pula dengan orang yang utamakan hadis dari firman Allah s.w.t. yang terdapat dalam Al-Quran yang kita terima sebagai wahyu dari Allah s.w.t. Berkenaan dengan zina, apakah hukum yang terdapat dalam Al-Quran. Dan apakah yang terdapat dalam hadis. Yang manakah lebih utama, wahyu dan firman Allah s.w.t. atau hadis yang diriwayatkan oleh beberapa keturunan manusia biasa, yang dikaji, disah atau ditolak oleh pakar hadis yang juga manusia biasa 200 tahun kemudian. Salahkah jika kita pilih Al-Quran yang jelas dan satu yang tidak berbeza-beza dan oleh itu tidak merejam dan menembak mati dengan mesingun perempuan yang dituduh berzina.

17. Bukankah Allah s.w.t. telah berpesan berpuluh kali bahawa “apabila kamu hukum, hukumlah dengan adil”. Allah s.w.t. juga sebut sebagai tidak suka akan kezaliman.

18. Apakah melabel iaitu menghukum seseorang selepas membaca akhbar atau mendengar laporan T.V. mencerminkan keadilan yang dituntut dalam Islam. Apakah tanpa memberi peluang kepada yang tertuduh untuk mempertahankan diri, adil di sisi agama Islam. Apakah tanpa membincang dan membahas oleh badan yang dipertanggungjawabkan seperti mahkamah, yang terdiri dari orang yang tidak berkepentingan, adalah cara Islam mengadil.

19. Kita lihat akan betapa buruknya keadaan umat Islam sekarang. Apakah ini kerana sudah ditakdirkan bahawa orang Islam akan ditindas dan agama Islam dihina.
20. Tidakkah Allah s.w.t. berfirman dalam Al-Quran bahawa Allah tidak akan menukar nasib sesiapa jika ia tidak berusaha menukar nasibnya sendiri.
21. Jika kita ingin menukar nasib dan kita berusaha sehingga terselamat diri kita, bolehkah kita kata ini bukan takdir, atau ini bertentangan dengan kehendak Allah s.w.t.
22. Kita tahu adanya hadis yang sahih dan yang lemah Apabila hadis berbeza atau bertentangan dengan firman Allah s.w.t. dalam Al-Quran, yang mana satukah yang kita harus terima? Jika kita pegang kepada Al-Quran, apakah ini salah.
23. Apakah kita wajib terima apa saja yang disampaikan oleh orang yang berbahasa Arab yang mempelajari agama walaupun jelas bertentangan dengan ajaran Islam dalam Al-Quran dan hadis. Apakah kita mesti iktiraf siapa sahaja yang mendakwa dirinya sebagai ulama. Apakah semua ahli persatuan ulama benar-benar ulama.
24. Amatlah merbahaya dan mengelirukan apabila sesiapa sahaja, hanya kerana fasih dalam bahasa Arab dan mendapat ijazah sarjana dalam bidang agama Islam, diberi gelaran ulama.
25. Perpecahan umat Islam kepada berbagai mazhab adalah disebabkan oleh orang seperti ini. Pengikut mereka turun temurun bermusuhan dan membunuh. Tidak ada toleransi di kalangan mereka sedangkan Al-Quran tidak suruh kita bermusuhan walaupun dengan penganut agama lain, melainkan mereka bermusuhan dengan kita. Kepada mereka agama mereka. Lemahnya umat Islam dan terhinanya agama Islam ialah kerana ajaran mereka yang tidak boleh ditegur, yang menuntut kesetiaan yang tidak berbelah-bahagi hanya kepada mereka.
26. Saya tahu bahawa jawapan kepada tulisan saya ini ialah saya anti-hadis, anti Al-Quran bahkan kafir.
27. Saya tidak lama lagi akan pergi menemui Tuhan saya, Allah s.w.t. Saya akan diadili oleh Kadzi Rabbul Jalil. Saya tidak tahu apakah akan disahkan segala tuduhan terhadap saya atau tidak. Tetapi yang saya tahu dan yakin ialah pengadilan oleh Allah s.w.t. tetap adil. Dan saya terima apa sahaja hukum yang dijatuhkan ke atas saya.

37 Comments

- *wajaperak*

March 3, 2014 at 8:57 AM | [Permalink](#)

Assallammualaikum Tun.

Saya mohon dengan rendah hati ruangan di dalam blog Tun.

[Dinsman

Kefahaman dari Maha Mu. Terima kasih Alloh]

Tun.

Berapa banyak di dalam Al Quran Allah – perhatikan ejaan dan sebutan Allah yang sebenarnya – mengutuk, menghina dan melaknat hamba-hambanya yang menyalahgunakan ayat-ayat Al Quran untuk mendapat sedikit keuntungan dunia.
 Perhatikan Tun perbualan di antara seorang Islam dengan bukan Islam.
 Betulkah agama kamu E-Slam?
 Hei. Mengapa anda cuba memperolok-olokan agama saya?
 ISLAM LAH.. Bukan E-Slam!
 They sound the same to me. What with the practice and all...:)
 Look mister (I become ugly)
 You can believe all that you want. There is no compulsion in that. But we have the right to defend our belief and here it is.
 When a cat comes to you miaowmiaowmiawing what is it the fella wants?
 Of course food. Maybe one out of ten that will ridicule you..
 How do you know that the miaowmiaowmiaw wants food? Do you know the language?
 Of course we could not understand the language. That is reserved for Rasul a.s only but Allah give us instinct to tell what is right and wrong!
 Everybody through his and her education should maintain this instinct that Allah bestowed us. But in most cases than not, human have betrayed themselves.
 Instead of maintaining the purity of their instinct, they chose to betray Allah and fellow muslimin.
 The result is self belief that very much evidence here.
 Muslimin use their thinking to kowtow to Allah rule, laws and regulation.
 Tun.
 Do you remembered your student days?
 We always mind of our own how to tackle a problem but the lecturer, tutor and instructor demanded that we must not use them. We seek solutions through research and citation of the established professional.
 After we have graduated from the field, then and only then we will allowed to use our head. Much to our surprise then that our so called ‘thinking’ is not in the proper line of the execution of task! Most contravene the convention!
 Tun.
 This is the world convention and people who live in them respect them as sacred.
 Why Islamic principal and fundamental is less sacrosanct is beyond me.
 Tun.
 Nama Allah ialah Allah dan bukan Alloh, Alohai, Huk Aloh dan sebagainya..
 Mereka-mereka yang menggunakannya adalah mengamalkan E-Slam dan

SEGAJA MEMPERMAINKAN AGAMA ISLAM!

Terima kasih Tun.



March 3, 2014 at 8:31 AM | [Permalink](#)

Assallammualaikum Tun.

Terlebih dahulu saya mohon maaf jika ‘hog’ blog Tun ini.

Bagi mereka yang membenci sila skip. Bagi mereka yang berminat teruskan membaca.

Mungkin ada manfaat bagi kita.

Terima kasih.

Tun.

Mimpi bagi orang muslimin adalah 1/70 bahagian kenabian sementara mimpi orang-orang mukmin adalah 1/70 juzuk kenabian.

Jika di dalam mimpi kita ada perkara wuduk, solat dan bacaan Al Quran tidaklah mimpi itu dikatakan dholal..

Semalam saya bermimpi isteri saya bermain dengan 3 ekor singa. Saya ingin berbuat begitu dan mengisyaratkan kepada isteri supaya 'softened' singa-singa tersebut.

Dengan takut-takut saya mengampiri singa-singa tersebut dan dalam gurau senda dengan mereka seekor telah tergigit saya agak kuat..

Selepas itu saya mengambil wuduk dan mengajak isteri saya sembahyang maghrib.

Kami bersembahyang di atas pelantar berhampiran air laut yang biru tua warnanya.

Di rakaat yang pertama saya baca surah dari ayat lazim dan di rakaat kedua saya baca Surah An Najm.

Di kala itu ada seorang perempuan beserta ibunya berdiri di arah kiri kami. Anak perempuan itu menyanyikan lagu Hindustan yang akhirnya mengalahkan bacaan surah saya.

Tun.

Di suatu masa dahulu saya ada sahabat bernama Taliban yang pakar menafsir mimpi.

Kepada dialah saya mengadukan permasalahan sebegini.

Taliban mendapat kurnia dari Allah yang istimewa kerana ilmu tafsir mimpi hanya milik Allah yang diajarkan kepada Nabi Yusuf a.s., Muhammad Rasulullah s.a.w., Ibnu Sirrin dan mereka-mereka pilihan sahaja.

Taliban mencapainya dengan susah payah dengan beramal amalan orang-orang mukmin.

Ilmu itu ditarik oleh Allah kerana Taliban enggan tuduk kepada takdir Allah.

Akibatnya?

Saya juga kerugian kerana tidak lagi dapat menumpang ilmu dari Taliban.

Rasulullah s.a.w pernah memperkatakan hal yang sama terhadap Nabi Musa a.s.

"Jika Nabi Musa a.s bersabar pastilah ia mendapat lebih ilmu ketika bersama Nabi Khidir a.s"

Begitulah Tun.

Di dalam blog Tun ini ada hamba-hamba Allah yang mendapat ilmu langsung dari Allah.

Sepatutnya kita belajar dari mereka.

Kita patut panggil mereka bersemuka semoga Allah sudi mengajarkan ilmuNya kepada kita..

Tun.

Ini adalah sebahagian dari Sunnah pembelajaran ilmu.

MENGUTAMAKAN FARDU AIN DI ATAS FARDU YANG LAIN>

Terima kasih Tun.



• wajaperak

March 3, 2014 at 8:00 AM | [Permalink](#)

Assallammualaikumwarahmatulahi wabarokatuh.

Tun.

Saya mohon ruangan.

[miawmiawmiaw

Tidak ada bukti kukoh samada dalam bentuk orang hidup atau pon dalam bentuk dokumen yang mengatakan Nabi berkahwin berbagai bagai]

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ

“Katakanlah (Wahai Muhammad): “Sesungguhnya aku ini hanya manusia seperti kamu, yang diwahyukan kepadaku.” (Surah Al Kahfi, 18: 110)

Dan mereka pula berkata, “Mengapa Rasul ini makan, minum dan berjalan di pasar-pasar (seperti manusia yang lain)?” (al-Furqan:7)

Ada lagi kenyataan dari kepala otak anda miawmiawmiaw??

Terima kasih Tun.



• [Dinsmann](#)

March 3, 2014 at 12:50 AM | [Permalink](#)

Salam Tuan @wajaperak dan tuan punya rumah ...

Mohon maha izin dari Mu Maha Alloh untuk jawapan terakhir kepada @wajaperak. Daku merasa tiada lagi jawapan bagi yang tidak mahu menggunakan akal fikirannya.

GUNALAH AKAL DENGAN SEBAIK-BAIKNYA

“Namanya umat Islam ini yang tidak memikirkan, gedung ilmu ugama di al-azhar telah musnah, gedung himpunan ahli ilmu ugama di Iraq jua telah musnah, apakah insan di negara Arab telah tersilap ayat untuk berdoa, sedangkan ayat-ayat doa adalah bahasanya yang tidak mungkin tersilap kata, akan tetapi ramainya telah tersilap memahami Maha Alloh.

Dan bertambah peliknya, makam-makam nabi dan wali dikunjungi, kemudian didoakan agar nabi dan walinya terus dimuliakan, dengan doa-doa yang panjang sambil diiringi ayat yasin dan al-quran, kranya sudah namanya nabi dan wali, maka sudah tidak perlu lagi didoakan, kerana mereka telah pun ada kedudukannya.

Kiranya benar ikhlas menjadi insan yang suka berdoa, maka kunjungilah makam-makam insan yang biasa yang belum tentu kedudukannya, berdoalah buatnya yang berpanjangan tanda membantu perjalanan mereka di alam yang satu lagi, tetapi sudah ramai yang telah lemah akalnya, maka semuanya menjadi terbalik, yang batil di kedudukan hak, yang hak di kedudukan yang batil, umpama yang kaya terus dibantu tanpa jemu manakala yang miskin tidak dipandang.

Maka terus menderitalah keturunan mereka yang terdahulu di alamnya, kerana keturunan yang ada sibuk mendoakan pada mereka yang telahpun mulia kedudukannya, dan akhirnya diri sendiri apabila telah berubah ataupun meninggalkan dunia, maka ia akan merasakan jua bilamana insan-insan tidak mahu mendoakan buatnya.

Waktu itu mula akan disedari bagaimana rasa disisihkan, sebagaimana ia dulu mensisihkan makam-makam insan biasa untuk didoakan.

Ramai yang tidak memahami, bahawa roh-roh insan biasa yang tidak kesampaian inilah yang akan membawa onar meresap pada jiwa insan lain umpama menjadi sifat iblis, membawa pergolakan sesama insan, maka terjadilah kehancuran sesama insan.

Itu yang berlaku sekarang ini, kerana ramainya insan sibuk mendoakan pada yang telah pun mulia, ini yang berlaku pada umat Islam yang tidak memikirkan, kerana terlalu sibuk mendoakan pada mereka yang telah mulia, dan akhirnya diri sendiri berada di lembah kehinaan.

Maka dunia Islam itu tetap berada di jalan yang penuh kejahilan walaupun dikatakan ia adalah jalan yang benar, maka terhapuslah segalanya sedikit demi sedikit.

Itulah yang dilalui sekarang ini, di dalam dunia Islam. Tetapi berapa ramai yang memikirkan bertambah pula dengan maha dunia yang mula berubah, namun ramai yang tidak menyedarinya, sudah menebal jiwa insan dengan kesyirikannya terhadap Maha Alloh, sehingga apa jua yang berlaku tidak lagi dirasakan akan maksudnya, semua akan berkata “ini biasa, cuaca kurang baik”, beginilah insan hari ini, jiwanya mula tidak dapat mengesan segala amaran dari Maha Alloh.”

Kefahaman dari Maha Mu. Terima kasih Alloh.

Ps.

“Banyak pengecut di dalam blog Tun.
Bersemuka.
Itulah cara jantan orang-orang muslimin.”

Maha Alloh Maha Kebaikan. Maha Alloh Maha Pengasih Maha Penyayang. Pandanglah Alloh dan malulah kepada-Nya, kataNya anda seorang khalifah yang seharusnya bijaksana ..



• *miawmiawmiaw*

March 2, 2014 at 9:06 PM | [Permalink](#)

Enchik Ahmad,

Tidak ada bukti kukoh samada dalam bentuk orang hidup atau pon dalam bentuk dokumen yang mengatakan Nabi berkahwin berbagai bagai, dari seorang budak sehingga janda yang baru sehari kematian suami. Itu hanyalah cherita2 yang di perturunkan yang pastinya telah banyak di tokok tambah

Apa yang pasti cherita2 begini telah merosakkan imej sebagai seorang nabi, bahkan juga boleh menchalarkan moral seseorang. Dakwaaan arap zaman dahulu kuat menghawal quran dan hadis adalah satu dakwaan yang sangat lemah dan tidak dapat di buktikan sechara empirikal

Persoalannya, adakah nabi seorang yang tidak bertanggung jawab dan membiarkan satu set chara hidup yang akan di guna pakai untuk beribu2 tahun oleh maknusia akan datang supaya di susun dan di bukukan oleh kawan kawan baik nya. Sudah pastinya tidak, kerana walau bagaimana tinggi pon keimanan sahabat sahabatnya, mereka mempunyai pelbagai masalah moral dari menanam anak hidop2 hingga menjadi perompak laluan pedagang di padang pasir

Dan, adakah wajib kita memperchayai cherita2 berunsurkan igama yang lebih menjurus kepada fitnah yang menchalarkan maruah seorang nabi.



• *Abdul Rahman*

March 2, 2014 at 5:42 PM | [Permalink](#)

Assalamualaikum

Reaksi orang ramai dan pemimpin politik memang seperti yang dijangka. Begitulah bagaimana manusia menghukum manusia lain berdasarkan akal yang mereka miliki. Namun saya amat berharap, pihak berkuasa faham tentang apa yang mereka harus lakukan serta faham kenapa forum itu diadakan. JAKIM, Kementerian Dalam Negeri, Majlis Agama Negeri perlu mengkaji kelemahan dari segi undang-undang bagi mempertahankan kesucian Islam.

Saya terdengar JAKIM membuka kertas siasatan, namun, seperti apa yang terjadi dalam isu Syiah dan kes penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam, nampaknya undang-undang yang sedia ada sangat lemah. Kes-kes seumpama ini hanya berlalu begitu sahaja. Mengembalikan ISA sebagai langkah pencegahan adalah perkara yang betul.



• *Malaysia Bagus*

March 2, 2014 at 12:27 PM | [Permalink](#)

Salam Tun,

1. Saranan Tun supaya kita kembali kepada ajaran AlQuran adalah baik dan kena pada masanya. Saya setuju dengan seruan Tun supaya kita perkasakan hidup dengan alQuran secara praktikal. Bukan sekadar tajwid dan taranum sahaja, bahkan dengan memahami isi dan makna sekali. Mengkaji ayat-ayat Quran, dan bukan sekadar mengaji. Barulah ada transformasi. Ada oomph. Dari jahil kepada pencerahan berpandukan iman, ilmu dan intelek, dan bukan teka-teki semata-mata. Kita manfaatkan Quran dalam serba-serbi kehidupan: dari perakaunan, IT, sains sosial, kejuteraan, bisnes, komunikasi, makrifah. Bukan sekadar melopong dengar 'Ustaz Bollywood' ceramah dan berdongang-sayang. Boleh ubah ekonomi dan taraf hidupkah macam tu?

2. Gagasan Kassim Ahmad agar kita tinggalkan hadith palsu juga adalah baik. Tak rugi pun. Begitu juga, kalau Anwar Ibrahim mengajak orang Islam bersatu dalam kancah politik. Tak

salah. Orang mukmin itu lemah-lembut sesama mereka, tetapi tegas terhadap orang kafir. Itu baru real. Janganlah asyik hentam sesama Islam, tapi kecut pula bila berdepan dengan ancaman kafir. Kenapa nak takut? Mungkin sebab aqidah pun sudah tercemar. Compromised. Asyik masuk keluar gereja berpelokan dengan paderi.

3. Berbalik kepada topik anti-hadith. Yang menjadi isu sekarang ialah: MOTIF orang yang bangkitkan usul tersebut. Ada putar-belit atau tidak. Apa tujuan sebenar Kassim? Adakah untuk promosi idea [Code 19 Rashad Khalifa](#). Dan untuk ketahui motif, kita kenalah kaji latarbelakang seseorang. Asal-usul dia. Dari mana hendak ke mana. Apakah dia komunis, sosialis, nasionalis, saintis, jurnalis, reformis, iblis, sodomis, evangelis dan selain "is". Yang itu semua adalah label. Untuk memudahkan kita bila berurusan dengan manusia. Tak salah untuk melabel. Yang menjadi kesalahan ialah bila orang difitnah, diberi label yang tak baik dan tak diberi peluang membersihkan nama dia. Pihak JAKIM sudah tahu lebih awal fasal forum Kassim di Yayasan Perdana hari tu. Soalnya, adakah JAKIM memanfaatkan forum tersebut untuk mendepani Kassim dan melunas suatu pencerahan secara konklusif dalam forum itu sendiri. Kalau perlu pulas telinga Kassim, buatlah masa tu jugak. Kenapa tunggu dan serang-hendap?

4. Islam di Malaysia kini pun ada banyak label atau pelekat: Shia, Sunni, Sufi, Salafi, Wahabi, PAS, UMNO. Label ni jadi aparat penting bagi kaum kafir untuk pecah-belahkan ummat Islam. Divide and rule. Orang Islam semua setuju solat menghadap ke satu Kiblat. Tapi dalam hal politik, masing2 ada kiblat sendiri dan jadi proxy Yahudi dan Nasrani. Kerana politik dan agama telah sengaja dipisahkan, supaya senang orang Islam berpecah dan bermusuhan. Sekarang undi orang Islam pecah tiga. UMNO, PAS, PKR. Tapi undi orang kafir begitu teguh bersatu menjulang DAP. Bayangkan apa jadi bila orang Islam pun turut sokong kafir DAP. Adakah orang DAP akan tukar agama masuk Islam. Atau orang Islam tukar agama masuk Kristen?

5. Perang saraf sudah dipertingkatkan sehingga melacak kalimah Allah ke dalam Bible Melayu. Nampaknya ramai orang Islam yang dah termakan umpan, termasuklah Anwar, Nik Aziz dan Hadi Awang. Heran saya bila isu yang ni pun kita orang Islam tak boleh settle serta-merta, tapi kini muncul pula isu dan polemik anti-hadith. Macam ada bau bangkai tikus tersorok di bawah karpet. What say you?



March 2, 2014 at 11:44 AM | [Permalink](#)

Assallammualaikumwarahmatulahiwarokatuh.

Tun.

Saya mohon ruangan.

[dinsman

Adakah dengan muzakarah itu nanti orang Islam boleh mencipta seperti orang-orang bukan Islam yang telah mencipta hampir keseluruhan penciptaan dari handphone, kereta, kapal terbang dan segala macam penciptaan?]

Kan saya dah kata Tun?...:)

“Jika kalian berselisih tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah dan Rasul-Nya, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.” [An-Nisa’ : 59]

An Am

“Kebenaran itu jelas dan nyata. Sesiapa yang nampak, kebaikan kembali kepadanya. Sesiapa yang buta maka aku bukanlah pemelihara”

Tun.

Oleh kerana Tun membenarkan blog Tun digunakan untuk menyerang agama kami maka Tun berkewajipan untuk ‘undone’ dengan memanggil kami semua untuk mempertahankannya secara bersemuka.

Banyak pengecut di dalam blog Tun.

Bersemuka.

Itulah cara jantan orang-orang muslimin.

Terima kasih Tun.



March 2, 2014 at 11:24 AM | [Permalink](#)

Saudara Miawmiawmiaw.

Bila saya membaca tulisan awak, saya dapati awak membaca dengan betul dan habis persoalan persoalan dalam hal hal Uagama Islam.

Soal ibadat umat Islam sekarang ini, baik puasa, sembayang, naik haji, zakat, soal perkahwinan, semuanya dilakukan mengikut apa yang dilakukan oleh Rasuallah. Orang Islam dari zaman Rasuallah, baik dari sahabat sahabatnya, dan tabiin (anak murid sahabatnya) meniru apa yang dilakukan oleh Rasuallah saw.

Ini dikuatkan lagi dengan hadith hadith sahih yang dikompolkan. Untuk penerahuan saudara umat Islam diberi kekuatan fikiran untuk mengingat dan menghafal semua al Quran dan sunnah Rasuallah.

Soal Rasuallah berkahwin dengan Aishah yang umornya muda sudah dijawab oleh ulamak Islam dahulu. Sifat Rasuallah ialah isnya tidak boleh melakukan kesalahan (maksud) jika ia melakukan kesalahan sedah tentu wahyu akan diturunkan untuk membetolkannya. Ini berlaku dalam empat kesalahan yang dilakukan oleh Rasuallah.

Kita jangan melihat Rasuallah sebagai manusia biasa. Ianya pesuruh Allah, Nabi dan manusia yang paling mulia, kenapa kita harus menghinanya.

Umat Islam bukan lah mendewa dewakan dan menyembah Rasuallah seperti yang dilakukan oleh orang Kristian kaatas Nabi isa. Umat Islam hanya di suroh mengingati dan menyangjong Rasuallah sesuai dengan tarafnya. selawta kaatasnya. Ini yang dianjorkan oleh Al Quran.

Salam.



- *Hang Jebat Derhaka*

March 2, 2014 at 2:18 AM | [Permalink](#)

Assalamualikum Tun dan Para2 Bloggers yg Alim lagi berilmu pengetahuan,

Saya orang biasa lagi dagang. Tiada punya apa2 melainkan pertanggungjawaban ke atas akal, roh dan nafsu yg diamanahkan. Ilmu ada barang sedikit belum layak mengajar atau membahas permasalahan agama.

Saya yakin Tun bukanlah anti hadis waemah juga saudara Kassim Ahmad. Saya yakin bahawa dengan hanya kita meletakkan Al Quran diatas dan seterusnya panduan dari Rasulullah maka dengan itu dapat kita memahami jalan yang lurus. Saya benci kepada penghukum. Sedangkan yang Maha Menghakimi adalah sifatnya Maha Esa. Nafsu untuk menghukum sukar dijinakkan.

Terus terang saya tidak tahu apakah isikandungan Al Quran. Saya hanya diajar melagukannya oleh ulama syariat. Saya tidak tahu manakah yang dikatakan hadis kerna tidak pernah diberikan pengajian tentangnya. Saya hanya brlajar Islam dari mulut ustaz sahaja. Bagaimanakah saya mengatakan diri saya Islam? Orang munafik ini mereka bukan kafir malah mengaku beriman.

Saya sahut seruan Tun dan Saudara Kassim. Masuk darjah satu semula, buka kitab Al Quran dan fahami maksudnya. Selepas itu mengaji hadis pula dan faham maksudnya. Paling sedih panduan kita hari ini hanyalah facebook dan whatsapp dan buah mulut orang ramai. Kalau orang ramai terjun perigi buta kita pun terjun dengan labu2nya



- *Mutley*

March 2, 2014 at 12:06 AM | [Permalink](#)

Asmlkm Tun,
Berikut ada lah sedikit maklumat berkenaan Pembukuan Hadis untuk fahaman bersama.

HADIS 103 -SEJARAH PEMBUKUAN HADIS

HADIST SESUDAH ZAMAN SAHABAT SAMPAI SEKARANG
A.Pendahuluan

Sejarah penulisan hadist sering kali menjadi bahan kontroversi di kalangan sebagian kaum muslim maupun non muslim. Ada sebagian yang menolak untuk menerima otentisitas hadist Nabi lantaran mereka berargumen bahwa hadist Nabi ditulis dan dibukukan dua abad sesudah wafatnya Nabi Muhammad saw, suatu rentang waktu yang agak lama berlalu sehingga dapat menyebabkan timbulnya perubahan dan pergeseran lafazh serta makna hadist yang bersangkutan. Mereka ini beranggapan hanya berdasarkan asumsi rasional semata dan tidak melihat serta meneliti berbagai argumen yang bisa diterima oleh syari'at Islam serta tidak

mengkaji serta menelaah sejarah penulisan dan pembukuan dengan benar. Sementara di sisi yang lain ada sebagian kaum yang secara tekstual menerima begitu saja hadist Nabi tanpa mempedulikan kesahihan dan ketidaksahihannya. Pada makalah ini penulis mencoba berusaha secara ringkas untuk mengemukakan penjelasan yang benar tentang penulisan dan pembukuan hadist Nabi sejak mulai abad ke 2 H sampai dengan abad ke 7 H hingga sekarang.

Ø Penulisan dan Pembukuan Hadist Secara Resmi (Abad ke 2 H)
Pada periode ini Hadist-hadist Nabi saw mulai ditulis dan dikumpulkan secara resmi. Adapun Khalifah yang memerintah pada saat itu adalah Umar ibn Abdul Aziz dari Dinasti Umayyah. Umar ibn Abdul Aziz mempunyai kepentingan di dalam kepemimpinannya untuk menulis dan membukukan hadis secara resmi, hal ini didasarkan pada beberapa riwayat, Umar ibn Abdul Aziz khawatir akan hilangnya hadist dan wafatnya para ulama hadist. Para sahabat telah berpencar di berbagai daerah, bahkan tidak sedikit jumlahnya yang sudah meninggal dunia. Sementara hadist-hadist yang ada di dada mereka belum tentu semuanya sempat diwariskan kepada generasi berikutnya. Karena itu, khalifah yang terkenal wara' dan takwa ini mengupayakan pengumpulan dan penulisan hadist. Ada perbedaan dalam penghimpunan hadist dengan al-Qur'an. Hadist mengalami masa yang lebih panjang sekitar tiga abad dibanding dengan al-Qur'an yang hanya memerlukan waktu relatif lebih pendek. Yang dimaksud dengan periodeisasi penghimpunan hadist disini adalah fase-fase yang telah ditempuh dan dialami dalam sejarah pembinaan dan perkembangan hadist, sejak Rasulullah saw masih hidup sampai terwujudnya kitab-kitab hadist yang dapat disaksikan sekarang ini.

Pada masa pemerintahan Umar ibn Abdul Aziz, Islam sudah meluas sampai ke daerah-daerah yang tentunya pemahaman dan pemikiran mereka khususnya tentang keislaman itu sendiri adalah hadist. Khalifah berinisiatif untuk mengumpulkan hadist-hadist tersebut dikarenakan semakin meluasnya perkembangan Islam yang umumnya orang-orang yang baru memeluk agama Islam butuh dengan pengajaran yang didasarkan pada hadist-hadist Nabi. Selain itu gejolak politik yang terjadi di kalangan umat Islam, ada beberapa kelompok yang mencoba menyelewengkan sabda-sabda Rasulullah saw yang akhirnya akan merusak ajaran kemurnian Islam itu sendiri. Oleh karena itu Umar ibn Abdul Aziz telah menyusun suatu gerakan yang penuh semangat dalam rangka penyebarluasan dakwah Islamiyah. Menurut Ajjaj al-Khathib bahwa kegiatan pembukuan hadist telah diprakarsai oleh ayahnya Khalifah Umar, yaitu Abdul Aziz yang ketika itu menjabat sebagai gubernur Mesir. Akan tetapi karena jabatannya sebagai gubernur maka jangkauannya tidak menyeluruh, oleh karena itu diteruskan oleh Umar setelah diangkat menjadi Khalifah. Tentunya pengkodifikasian hadist begitu cepat merambah ke daerah-daerah yang dikuasai oleh gubernur dan langsung memberikan instruksi agar menulis dan mengumpulkan hadist yang ada pada sahabat dan seterusnya disebarluaskan. Begitu juga ia mengutus para ulama untuk mengumpulkan hadist-hadist Rasulullah, hadist yang dipercaya kebenarannya ialah hadis yang telah diriwayatkan oleh orang-orang yang memiliki sifat menjauhkan diri dari dosa dan takwa. Jika kita teliti kemampuan ilmiah umat Islam, sebenarnya telah memungkinkan mereka untuk melakukan penulisan terhadap hadist-hadist Nabi. Tetapi pendapat yang dominan di kalangan para sarjana dan ilmuwan adalah bahwa hadist-hadist itu hanya disebarkan lewat mulut ke mulut sampai akhir abad pertama. Perlu kita ketahui bahwa kecintaan dan kepatuhan para sahabat kepada Nabi saw sungguh demikian mendalam, karenanya dalam menuliskan risalah ajaran Islam, mereka melakukannya secara lisan seperti Nabi lakukan terhadap mereka. Kondisi seperti itu secara tidak langsung mengajarkan kepada kita bahwa hal kepatuhan juga sebagian dari agama. Adapun pandangan para orientalis tentang penulisan pertama hadist yang dilakukan oleh al-Zuhri atas perintah Umar ibn Abdul Aziz adalah palsu. Karena mereka merujuk pada hadist-hadist fikih yang menurut pandangan para orientalis baru

muncul sesudah zaman Umar ibn Abdul Aziz. Pendapat ini tentunya tidak mengkaji tentang sejarah Islam dari awal, yang mana ungkapan-ungkapan Nabi saw yang belum ditulis hanya dengan lisan dianggap sebagai ucapan biasa saja. Padahal bila kita rujuk pada pengertian hadist itu sendiri bahwa segala sesuatu yang lahir dari perilaku Nabi secara keseluruhan itu merupakan bahan yang menjadi hukum atau pelajaran pada generasi sesudahnya. Terkait dengan pengertian tersebut maka kitab al Muwaththa' karya ibn Malik merupakan salah satu kitab yang mencatat hadist Nabi saw dan fatwa ulama awal di Madinah yang menganut pengertian tersebut, sehingga kitab tersebut disusun berdasarkan pola yang diawali dengan atsar dan baru kemudian fatwa yang memuat penjelasan-penjelasan hukum yang berkaitan dengan perkataan, perbuatan yang dilakukan Nabi dan pendapat hukum para sahabat, tabi'in serta fatwa ulama.

Ø Masa Pemurnian dan Penyempurnaan Penulisan Hadist (Abad ke 3 H)
Menurut ahli hadist, yang menjadi masalah pokok yang menyebabkan keterlambatan sampai seratus tahun lebih dalam pembukuan hadist adalah karena hanya mengikuti pendapat populer di kalangan mereka tanpa meneliti sumber-sumber yang menunjukkan bahwa hadist sudah dibukukan pada masa yang lebih awal. Sedangkan sebab lain kenapa hadist belum disusun dan dibukukan pada masa sahabat dan tabi'in dikarenakan adanya larangan Nabi dalam shahih Muslim, khawatir akan bercampur dengan al-Qur'an, sebab lain hafalan mereka sangat kuat dan mereka juga cerdas, di samping umumnya mereka tidak dapat menulis. Baru pada masa akhir tabi'in, hadist-hadist Nabi disusun dan dibukukan. Masa pemurnian dan penyempurnaan hadist berlangsung sejak pemerintahan al-Ma'mun sampai awal pemerintahan al-Muqtadir dari khalifah Dinasti Abbasiyah. Ulama-ulama hadist memusatkan pemeliharaan pada keberadaan hadist, terutama kemurnian hadist Nabi saw, sebagai antisipasi mereka terhadap kegiatan pemalsuan hadist yang semakin marak. Dalam setiap ajaran agama bagi para pemeluknya, tentunya sangat bervariasi dalam mengamalkan ajaran itu sendiri. Ini sesuai dengan kondisi sejauh mana pemahaman mereka tentang agama serta pengaruh yang dapat mengubah pola pikir seseorang menjadi taat, fanatik, atau acuh tak acuh. Perkembangan ilmu pengetahuan sudah dimulai pada abad ke-2 dengan lahirnya para imam mujtahid di berbagai bidang fikih dan ilmu kalam. Perselisihan dan perbedaan pendapat di kalangan imam mujtahid menjadi khazanah ilmu yang terus dikembangkan dan dihargai, tetapi lain halnya yang dipahami oleh para pengikut imam tersebut. Dikarenakan faktor ingin benar dan menang sendiri maka pendapat ulama lainnya dianggap tidak benar. Fanatik menjadi ciri khas mereka yang akhirnya menciptakan hadist-hadist palsu dalam rangka mendukung mazhabnya dan menjatuhkan mazhab lawannya. Kegiatan pemalsuan hadist mengalami masa yang begitu lama, sejak dari pemerintahan al-Ma'mun, al-Mu'tasim dan Wastiq, yang mereka sangat mendukung kaum Mu'tazilah. Momentum pertentangan mazhab juga dimanfaatkan oleh kaum kafir Zindiq yang memusuhi Islam untuk menciptakan hadist-hadist palsu dan menyesatkan kaum muslimin dan tidak ketinggalan para pengarang cerita juga memanfaatkan situasi tersebut.

Ulama Mu'tazilah tidak saja mempengaruhi pikiran khalifah untuk bertindak keras terhadap ahli hadist, bahkan mereka melepaskan cacik kepada ahli hadist serta menuduh ahli hadist bodoh dan dungu. Oleh sebab itu para ulama berupaya agar pelestarian yang berbentuk hadist dapat terus dipertahankan dan diabadikan tentunya dengan menyeleksi satu demi satu hadist yang telah masuk ataupun penemuan baru yang hubungan keakuratannya adalah bisa dipertanggungjawabkan serta memang benar-benar datang dari Nabi saw. Maka para ulama melakukan kunjungan ke daerah-daerah untuk menemui para perawi hadist yang jauh dari pusat kota. Di antara mereka adalah Imam Bukhari yang telah melakukan perjalanan selama 16 tahun dengan mengunjungi kota Makkah, Madinah dan kota-kota lain. Seterusnya mereka

juga melakukan pengklasifikasian hadist yang disandarkan kepada Nabi (marfu'), dan yang disandarkan kepada para sahabat (mawquf), serta yang disandarkan kepada tabi'in (maqthu'), serta penyeleksian hadist kepada hadist shahih, hasan, dan dha'if. Adapun bentuk penyusunan kitab hadist pada periode ini adalah:

- a) Kitab Shahih, kitab ini hanya menghimpun hadis-hadist Shahih, sedangkan yang tidak Shahih tidak dimasukkan ke dalamnya. Yang termasuk dalam kitab shahih adalah Shahih Bukhari dan Shahih Muslim.
- b) Kitab Sunan, di dalam kitab ini selain dijumpai hadist-hadist Shahih, juga dijumpai hadist yang berkualitas Dha'if dengan syarat tidak terlalu lemah dan tidak munkar. Yang termasuk dalam kitab ini antara lain Sunan Abi Dawud, Sunan at Turmudzi, Sunan al Nasa'I dan Sunan ibn Majah.
- c) Kitab Musnad, di dalam kitab ini dijumpai hadis-hadist disusun berdasarkan urutan kabilah, seperti mendahulukan Bani Hasyim dari yang lainnya, ada yang menurut urutan lainnya seperti huruf hijaiyah dan lain sebagainya. Yang termasuk kitab ini adalah Musnad Ahmad ibn Hanbal.

Penyusunan ketiga bentuk kitab Hadis tersebut merupakan kebutuhan untuk menyeleksi bahwa hadist tersebut bersumber atau murni dari Nabi SAW dengan sanad dan perawi yang dapat dipertanggungjawabkan, dengan otentisitas hadist tersebut maka hadist tersebut dapat dijadikan sumber hukum dan hujjah sekaligus.

Ø Masa Pemeliharaan, Penertiban dan Penambahan Dalam Penulisan Hadist (Abad 4 s/d 7 H)

Sebelum datangnya agama Islam, bangsa Arab tidak dikenal dengan kemampuan membaca dan menulis, sehingga mereka lebih dikenal sebagai bangsa yang ummi (tidak bisa membaca dan menulis). Namun demikian, ini tidak berarti bahwa di antara mereka tidak ada seorangpun yang bisa menulis dan membaca. Keadaan ini hanya sebagai ciri keadaan dari mereka. Sejarah telah mencatat bahwa sejumlah orang yang di antara mereka ada yang mampu membaca dan yang menulis, Adiy bin Zaid al-Abbay (w. 35 sebelum hijrah) misalnya, sudah belajar menulis hingga menguasainya, dan merupakan orang yang pertama yang mampu menulis dengan bahasa Arab yang ditujukan kepada Kisra. Sebagian orang Yahudi juga mengajarkan anak-anak di Madinah menulis Arab. Kota Mekkah dengan pusat perdagangannya sebelum kenabian, menjadi saksi adanya para penulis dan orang-orang yang mampu membaca.

Pada masa setelah sahabat kegiatan pengumpulan hadist sudah menjadi suatu keharusan sejak abad ke-2, hal ini didasari karena perkembangan Islam semakin meluas dan diperlukannya rujukan-rujukan hukum yang mudah untuk didapatkan argumennya. Maka pemeliharaan hadist sudah menjadi tanggungjawab para penguasa pada saat itu. Dimulai dari khalifah al-Muqtadir sampai pada al-Mu'tashim, walaupun kekuasaan Islam sudah mulai melemah pada abad ke 7 akibat serangan Holagu Khan cucu dari Jengis Khan, namun kegiatan para ulama hadist dalam rangka memeliharannya dan mengembangkannya berlangsung sebagaimana pada periode sebelumnya. Hanya saja hadist yang dihimpun tidaklah sebanyak masa sebelumnya. Adapun kitab-kitab hadist yang dihimpun adalah:

1. Al-Shahih, oleh ibn Khujaimah (313 H).
2. Al-Anwa'wa al-Taqsim, oleh ibn Hibban (354 H).
3. Al-Musnad, oleh Abu Awanah (316 H).
4. Al-Muntaqa, oleh ibn Jarud.
5. Al-Muhtarah, oleh Muhammad ibn Abd al-Maqdisi.

Kitab-kitab di atas merupakan bahan rujukan bagi para ulama hadist, sekaligus mempelajari, menghafal dan memeriksa serta menyelidiki sanad-sanadnya. Selanjutnya menyusun kitab baru dengan tujuan memelihara, menertibkan dan menghimpun sanad dan matannya yang saling berhubungan serta yang telah termuat secara terpisah dalam kitab-kitab yang telah ada

tersebut.

Adapun bentuk-bentuk penyusunan kitab hadist pada periode ini memperkenalkan sistem baru, yaitu:

Kitab Athraf, di dalam kitab ini penyusunnya hanya menyebutkan sebagian dari matan hadist tertentu kemudian menjelaskan seluruh sanad dari matan itu, baik sanad yang berasal dari kitab hadist yang dikutip matannya ataupun dari kitab-kitab lainnya. Kitab Mustakhraj, kitab ini memuat matan hadist yang diriwayatkan oleh Bukhari atau Muslim, atau keduanya atau yang lainnya, dan selanjutnya penyusunan kitab ini meriwayatkan matan hadist tersebut dengan sanadnya sendiri. Kitab Mustadrak, kitab ini menghimpun hadis-hadist yang memiliki syarat-syarat Bukhari dan Muslim atau yang memiliki salah satu syarat dari keduanya. Kitab Jami', kitab ini menghimpun hadis-hadist yang termuat dalam kitab-kitab yang telah ada, seperti:

Yang menghimpun hadist-hadist shahih Bukhari dan Muslim.
Yang menghimpun hadist-hadist dari al-Kutub al-Sittah.
Yang Menghimpun hadist-hadist Nabi dari berbagai kitab hadist.

Ø Pensyarah, penghimpunan, pentakhiran dan pembahasan Hadist (Abad 7 H s/d sekarang)

A. Kegiatan periwayatan hadist
Berawal dari penaklukan yang dilakukan oleh tentara Tartar terhadap pemerintahan Abbasiyah yang kemudian dihidupkan kembali oleh dinasti Mamluk setelah berhasil menaklukkan bangsa mongol. Akan tetapi Dinasti Mamluk mempunyai maksud tertentu dengan membai'at khalifah. Hanyalah sekedar simbol agar daerah-daerah Islam lain mau mengakui daerah Mesir sebagai pusat pemerintahan Islam yang akhirnya umat akan tunduk kepada Mesir sebagai pemerintahan Islam, setelah itu lahirlah pengakuan pada Dinasti Mamluk sebagai penguasa dunia Islam. Setelah masa berlalu, kekuasaan Dinasti Mamluk sudah mulai surut, masuklah abad ke-8 H, Usman Kajuk mendirikan kerajaan di Turki atas peninggalan Bani Saljuk di Asia Tengah sambil menaklukkan kerajaan-kerajaan kecil yang ada disekitarnya dan selanjutnya membangun Daulah Utsmaniah yang berpusat di Turki. Setelah menaklukkan Konstantinopel dan Mesir (runtuhnya Khalifah Abbasiyah), maka berpindahlah pusat kekuasaan Islam ke Konstantinopel pada abad ke-13 H, Mesir yang dipimpin oleh Muhammad Ali mulai bangkit untuk mengembalikan kejayaan Mesir masa silam. Namun Eropa bertambah kuat menguasai dunia, secara bertahap mereka mulai menguasai daerah-daerah Islam, sehingga pada abad ke-19 M sampai abad ke-20 M hampir seluruh wilayah Islam dijajah oleh bangsa Eropa. Kembangkitan kembali umat Islam baru dimulai pada pertengahan abad ke-20 M. Sejalan dengan kondisi Islam di atas, maka periwayatan hadist pada periode ini lebih banyak dilakukan dengan cara ijazahi dan mukatabah. Sedikit sekali dari ulama hadist. pada periode ini melakukan periwayatan hadist secara hafalan sebagaimana yang dilakukan oleh ulama yang terdahulu di antaranya: Al-'Iraqi (w. 806 H/ 1404 M). Dia berhasil mendiktekan hadist secara hafalan kepada 400 majelis sejak tahun 796 H / 1394 M, serta menulis beberapa kitab hadist. Ibn Hajar al-Asqalani (w. 852 H / 1448 M), seorang penghafal hadist yang tiadaandingannya pada masanya. Ia telah mendiktekan hadist kepada 1000 majelis dan menulis sejumlah kitab yang berkaitan dengan hadist. Al-Sakhawi (w. 902 H / 1497 M), ia merupakan murid Ibnu Hajar, yang telah mendiktekan hadist kepada 1000 majelis dan menulis sejumlah kitab. Pada masa ini, para ulama hadist pada umumnya mempelajari kitab-kitab hadist yang sudah ada dan selanjutnya mengembangkannya dan meringkasnya sehingga menghasilkan jenis-jenis karya seperti kitab Syarah, Mukhtashar, Zawa'id, Takhrij dan lain sebagainya. Tentunya tidak terlepas dari pengkaji hadist pada saat sekarang, selain mengkaji Matan (isi) hadist

tersebut dapat dijadikan sebagai rujukan dan bacaan pada generasi baru dan tidak hanya menerima bahwa hadist tersebut shahih atau tidak shahih. Akan tetapi kita telah mendapatkan suatu pengetahuan dasar untuk mencari dan memastikan sebab musabab hadist tersebut beroperasi, yang tentunya tidak terlepas dari perjalanan menyelamatkan hadist dari orang-orang yang ingin menyelewengkannya. Dalam hal ini kita tidak terlepas dari ilmu Tarikh-Ruwah yang membicarakan hal ihwal para rawi hadist baik yang bersangkutan dengan umur dan tanggal kapan mereka dilahirkan, dimana domisili mereka dan kapan mereka menerima hadist dari guru-guru mereka.

Ø Bentuk penyusunan kitab hadist Pada periode ini, umumnya para ulama hadist mempelajari kitab-kitab hadist yang telah ada, kemudian mengembangkannya dan meringkaskannya sehingga menjadi sebuah karya sebagai berikut:

Kitab Syarah. Yaitu kitab yang memuat uraian dan penjelasan kandungan hadist dari kitab tertentu dan hubungannya dengan dalil-dalil lain yang bersumber dari al-Qur'an dan hadist, ataupun kaidah-kaidah syara' lainnya. Di antara contohnya adalah: Fath al-Bari, oleh Ibn Hajar al-Asqalani, yaitu syarah kitab Shahih al-Bukhari. Al-Minhaj, oleh al-Nawawi, yang mensyarahkan kitab Shahih Muslim. 'Aun al-Ma'bud, oleh Syams al-Haq al-Azhim al-Abadi, syarah sunan Abu Dawud. Kitab Mukhtashar. Yaitu kitab yang berisi ringkasan dari suatu kitab hadist, seperti Mukhtashar Shahih muslim, oleh Muhammad fu'ad abd al-Baqi. Kitab Zawa'id. Yaitu kitab yang menghimpun hadist-hadist dari kitab-kitab tertentu yang tidak dimuat kitab tertentu lainnya. Di antara contohnya adalah Zawa'id al-sunan al-Kubra, oleh al-Bushiri, yang memuat hadist-hadist riwayat al-Baihaqi yang tidak termuat dalam al-Kutub al-Sittah.

Kitab petunjuk (kode indeks) hadist. Yaitu, kitab yang berisi petunjuk-petunjuk praktis yang mempermudah mencari matan hadist pada kitab-kitab tertentu. Contohnya, Miftah Kunuz al-Sunnah, oleh A.J. Wensinck, yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab oleh M. Fu'ad 'Abd al-Baqi.

Kitab Takhrij. Yaitu kitab yang menjelaskan tempat-tempat pengambilan hadist-hadist yang memuat dalam kitab tertentu dan menjelaskan kualitasnya. Contohnya adalah, Takhrij Ahadits al-Ihya', oleh Al-'Iraqi. Kitab ini men-takhrij hadist-hadist yang terdapat di dalam kitab Ihya' 'Ulum al-Din karya Imam al-Ghazali.

Kitab Jami'. Yaitu kitab yang menghimpun hadist-hadist dari berbagai kitab hadist tertentu, seperti al-Lu'lu' wa al-Marjan, karya Muhammad fu'ad al-Baqi. Kitab ini menghimpun hadist-hadist Bukhari dan Muslim.

Kitab yang membahas masalah tertentu, seperti masalah hukum. Contohnya, Bulugh al-Maram min Adillah al-Hakam, oleh Ibn Hajar al-'Asqalani dan koleksi Hadis-hadis Hukum oleh T.M. Hasbi Ash-Shiddieqy.[20]

Dengan adanya karya-karya besar para ahli hadist tersebut, maka dapatlah mempermudah generasi sekarang ini dalam mempelajari serta menelusuri hadist-hadist yang ada sekarang, sehingga dapat mengetahui kualitas hadist-hadist tersebut, dan menghindarkan diri dari pengamalan hadist-hadist yang daif. Penulisan dan Pembukuan Hadits pada abad ke II H Pembukuan hadits diprakarsai oleh Umar bin Abdul Aziz salah seorang Bani Umayyah. Adapun yang mendorong beliau untuk membukukan hadits adalah para perawi/ penghafal hadits kian lama kian banyak yang meninggal dunia.

Ø Kitab-kitab hadits yang disusun pada abad ke II H ialah :
 (1) Al Muwatto karya Imam Malik.
 (2) Al Maroghi, karya Muhammad bin Ishaq.

- (3) Al Jami', karya Abdurrazad.
 (4) Al Musannaf, karya Al Auza'i.
 (5) Al-Musnad, karya Asy-Syafi'

MASA-MASA

PERKEMBANGAN

HADIST

Ø Masa Pembentukan Hadist
 Masa pembentukan hadist tiada lain masa kerasulan Nabi Muhammad itu sendiri, ialah lebih kurang 23 tahun. Pada masa ini hadist belum ditulis, dan hanya berada dalam benak atau hafalan para sahabat saja. Periode ini disebut al wahyu wa at takwin. Periode ini dimulai sejak Nabi Muhammad diangkat sebagai Nabi dan Rasul hingga wafatnya (610 M-632 M)

Ø Masa Penggalan
 Masa ini adalah masa pada sahabat besar dan tabi'in, dimulai sejak wafatnya Nabi Muhammad pada tahun 11 H atau 632 M. Pada masa ini kitab hadist belum ditulis ataupun dibukukan. Seiring dengan perkembangan dakwah, mulailah bermunculan persoalan baru umat Islam yang mendorong para sahabat saling bertukar hadist dan menggali dari sumber-sumber utamanya.

Ø Masa Penghimpunan
 Masa ini ditandai dengan sikap para sahabat dan tabi'in yang mulai menolak menerima hadist baru, seiring terjadinya tragedi perebutan kedudukan kekhalifahan yang bergeser ke bidang syari'at dan 'aqidah dengan munculnya hadist palsu. Para sahabat dan tabi'in ini sangat mengenal betul pihak-pihak yang melibatkan diri dan yang terlibat dalam permusuhan tersebut, sehingga jika ada hadist baru yang belum pernah dimiliki sebelumnya diteliti secermat-cermatnya siapa-siapa yang menjadi sumber dan pembawa hadist itu. Maka pada masa pemerintahan Khalifah 'Umar bin 'Abdul 'Aziz sekaligus sebagai salah seorang tabi'in memerintahkan penghimpunan hadist. Masa ini terjadi pada abad 2 H, dan hadist yang terhimpun belum dipisahkan mana yang merupakan hadist marfu' dan mana yang mauquf dan mana yang maqthu'.

Ø Masa Pendiwanan dan Penyusunan
 Abad 3 H merupakan masa pendiwanan (pembukuan) dan penyusunan hadist. Guna menghindari salah pengertian bagi umat Islam dalam memahami hadist sebagai prilaku Nabi Muhammad, maka para ulama mulai mengelompokkan hadist dan memisahkan kumpulan hadist yang termasuk marfu' (yang berisi perilaku Nabi Muhammad), mana yang mauquf (berisi perilaku sahabat) dan mana yang maqthu' (berisi perilaku tabi'in). Usaha pembukuan hadist pada masa ini selain telah dikelompokkan (sebagaimana dimaksud diatas) juga dilakukan penelitian Sanad dan Rawi-rawi pembawa beritanya sebagai wujud tash-hih (koreksi/verifikasi) atas hadist yang ada maupun yang dihafal. Selanjutnya pada abad 4 H, usaha pembukuan hadist terus dilanjutkan hingga dinyatakan bahwa pada masa ini telah selesai melakukan pembinaan mahligai hadist. Sedangkan abad 5 hijriyah dan seterusnya adalah masa memperbaiki susunan kitab hadist seperti menghimpun yang terserakan atau menghimpun untuk memudahkan mempelajarinya dengan sumber utamanya kitab-kitab Hadis abad 4 H.

PENUTUP

A. Kesimpulan
 Pengumpulan hadist secara resmi telah dimulai sejak Khalifah Umar ibn Abdul Aziz, yaitu awal abad ke 2, hal ini dilakukan dalam rangka melestarikan hadist agar hadist tersebut tidak hilang bersama penghafal hadist, di samping itu merupakan tuntutan kondisi umat Islam semakin banyak dan wilayahnya semakin luas, sehingga diperlukan suatu rujukan hukum berupa hadist setelah al-Qur'an

Sesudah itu, penulisan dan pembukuan hadist melewati beberapa proses yang semuanya bertujuan mencapai kesempurnaan dan penjagaan atas keaslian hadist-hadist tersebut. Dalam pemilahan hadist yang shahih dan yang palsu, kiranya kita harus melihat sanad dan matannya, dan yang terlebih lagi hadist tersebut tidak mempunyai pertentangan dan tidak menjadi kepentingan politik golongan tertentu pada masa silam sehingga dilestarikannya dengan hadist pemalsuan.

B. Kritik dan Saran

Sesuai dengan hadist Nabi SAW :
فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلَّ أَبَدًا مَا أَنْ تَمْسُكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ رَسُولِهِ تَرَكْتُمْ
Artinya : Telah aku tinggalkan kepada kalian dua perkara, jika sekiranya kalian berpegang atas keduanya maka tidak akan sesat selamanya yaitu Kitab ALLAH dan sunata Rasulihi.

Dengan belatar belakang komen Hadis 101, 102 dan 103 kita telah melengkapikan ilmu asas untuk menilai komen dan tindakan yang dibuat oleh individu tertentu.

Dipetik dari <http://stiqulumalhadis.blogspot.com/> di Sekolah Tinggi Ilmu Al Quran (STIQ) Amuntai Kalimantan Selatan yang diasuh oleh H. Hasan, MA, Hum



• azlan95

March 2, 2014 at 12:04 AM | [Permalink](#)

miawmiawmiaw menulis:

cara sembahyang di sebutkan dengan nyata di dalam quran...

Saya menulis:

Seperti biasa puak miawmiawmiaw ini memberikan jawapan kosongnya, yakni Al Quran menjelaskan kaedah sembahyang, namun takut pula untuk nyatakan ayat berapa, surah mana. Seperti biasa we all understand this.

Azlan

KL



• Mutley

March 1, 2014 at 11:38 PM | [Permalink](#)

HADIS 102

Untuk pastikan kefahaman ummah saya meneruskan kefahaman hadist melalui komen ini yang saya panggil HADIS 102.

PENGERTIAN HADITH DAN AS-SUNNAH.

DARI SEGI BAHASA :

- Perkataan atau ucapan.
- Juga membawa erti baru.
- Manakala as-Sunnah membawa maksud perjalanan, kelakuan atau perangai sama ada baik atau buruk.

DARI SEGI ISTILAH :

- Perkara yang datang daripada Nabi Muhammad selain al-Quran sama ada berupa perkataan, perbuatan atau pengakuan, selain daripada perkara semulajadi.

- Perkataan yang datang dari Rasulullah selain al-Quran sama ada berupa perkataan, perbuatan atau pengakuan.

JENIS – JENIS HADITH.

Ada EMPAT, iaitu :

1. Sunnah berupa perkataan (Sunnah Qauliyyah).
2. Sunnah berupa perbuatan (Sunnah Fi'liyah).
3. Sunnah berupa pengakuan (Sunnah Taqririyah).
4. Sunnah berupa cita-cita (Sunnah Hammiyah).

SUNNAH YANG BERUPA PERKATAAN (SUNNAH QAULIYYAH).

- iaitu segala Hadith yang diperkatakan oleh Rasulullah s.a.w yang berupa suruhan, tegahan dan penerangan sama ada hadith itu berupa sendiri atau penjelasan daripada al-Quran.
- Seperti hadith tentang suruhan berniat, riwayat al-Bukhari dan Muslim dari Sayidina Umar bin al-Khattab :
“Sesungguhnya semua amalan itu hendaklah disertakan niat, dan sesungguhnya bagi setiap seorang itu apa yang diniatkannya.”

SUNNAH YANG BERUPA PERBUATAN (SUNNAH FI'LIYAH).

- iaitu segala perbuatan, tingkah laku dan gerak laku Rasulullah s.a.w yang menegakkan hukum.
- Seperti perbuatan baginda berwudhu, bersembahyang dan menunaikan haji.

Sunnat yang berupa perbuatan ini boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian :

1. Perbuatan semulajadi, iaitu perbuatan yang lahir dari Nabi s.a.w sebagai semulajadi dan tabiat manusia seperti makan, minum, berjalan, tidur, duduk dan sebagainya.

- Hukum sunnah ini tidak dianggap sebagai mensahitkan syariat dan tidak wajib diikuti. Walaubagaimanapun, harus diikuti.

2. Perbuatan yang khusus untuk Rasulullah sahaja, seperti kahwin tanpa mahar, berpuasa bersambung siang dan malam, berkahwin lebih dari empat isteri dan sebagainya.

- Hukum sunnah ini adalah haram diikuti oleh umatnya.

3. Perbuatan yang lahir dari Rasulullah s.a.w dan matlamatnya adalah untuk disyariatkan dan menjadi ikutan. Contohnya, hadith yang menjelaskan lebih lanjut hukum yang terkandung dalam ayat al-Quran.

- Sabda Rasulullah s.a.w : “Sembahyanglah kamu sebagaimana kamu melihat aku bersembahyang.”
- Hukumnya serupa dengan hukum ayat yang diterangkan.

4. Perbuatan Rasulullah yang tidak berupa perbuatan semulajadi, penerangan atau penjelasan, tetapi ia berupa permulaan dan dapat difahami hukum baru. Contohnya, sunat sembahyang gerhana dan sunat berpuasa hari Khamis.

- Hukum perbuatan ini jelas sifatnya, seperti wajib atau sunat atau harus bagi Rasulullah s.a.w, maka hukum bagi umatnya adalah sama dengannya kerana mereka diperintahkan mengikut baginda.

- Sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Ahzab, ayat 21 :

Maksudnya : Sesungguhnya bagi kamu pada Rasulullah ikutan yang baik.

SUNNAH YANG BERUPA PENGAKUAN (SUNNAH TAQRIRIYAH).

- iaitu Rasulullah s.a.w mendiamkan diri dari mengingkari perkataan atau perbuatan yang berlaku di hadapan atau di belakangnya dan baginda mengetahuinya.

- Diam baginda itu menunjukkan bahawa perkataan atau perbuatan itu adalah harus kerana Rasulullah s.a.w tidak akan mendiamkan diri dari perkara yang batil dan munkar.

- Contohnya :

(a) Pengakuan baginda terhadap kata-kata Abu Bakar kepada tentera Islam yang bermaksud “Sesiapa yang dapat membunuh musuh di dalam peperangan, bolehlah ia mengambil barang-barang yang dipakai oleh musuh tersebut.”

(b) Pengakuan baginda terhadap Khalid bin al-Walid yang memakan sejenis binatang yang bernama Dhab.

SUNNAH YANG BERUPA CITA-CITA (SUNNAH HAMMIYAH).

- untuk mengerjakan sesuatu tetapi belum sempat baginda menunaikannya.
- Contohnya : Nabi s.a.w ingin berpuasa pada 9 dan 10 Muharram, kerana hari tersebut sangat diagungkan orang Yahudi.

KEHUJAHAN HADITH DALAM PERUNDANGAN ISLAM.

- Hadith merupakan sumber kedua dalam perundangan Islam selepas al-Quran. Oleh itu para ulama sepakat berpendapat bahawa sunnah dianggap hujah dan sumber hukum. Maka wajib beramal dengannya jika sabit dari Rasulullah s.a.w.
- Hal ini berdasarkan dalil al-Quran, Hadith dan Ijma' ulama.

Dalil al-Quran

Sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Hasyr, ayat 7 :

أَوْهتتاف بمذع مكاهذ امو موذخفل لوسرلا مكاتأ امو

Maksudnya : Dan apa yang didatangkan oleh Rasul, hendaklah kamu menerimanya dan apa yang ditegah olehnya hendaklah kamu menjauhinya.

Dalil Hadith.

Berdasarkan hadith Nabi sebelum mengutus Muaz bin Jabal menjadi hakim ke Yaman.

Baginda bertanya kepada Mu'az : bagaimana nanti kamu akan mengeluarkan hukum apabila dibawa kepada kamu sesuatu permasalahan?

Mu'az menjawab : saya akan menghukum berdasarkan al-Quran.

Nabi bertanya lagi : jika tidak ada dalam al-Quran?

Mu'az menjawab : saya akan menghukum dengan Sunnah Rasulullah.

Baginda bertanya : jika tidak ada dalam Sunnah Rasulullah ?

Mu'az menjawab : saya akan berijtihad dan tidak akan mengabaikan perkara tersebut.

Seterusnya Nabi menepuk dada sambil bersabda : segala puji bagi Allah yang telah memberi taufik kepada utusan Rasulullah ke arah sesuatu yang diredhai oleh Rasulullah.

(Riwayat Ahmad dan Daud)

Ijma' Ulama.

- Para ulama dan sahabat telah sepakat mengatakan wajib mengikut suruhan Nabi, iaitu semasa hayat sahabat, mereka sentiasa melaksanakan perintah Rasulullah dan menjauhi segala larangannya.

- Nabi Muhammad terpelihara dari melakukan sebarang dosa kerana baginda ma'sum dan mempunyai mukjizat yang dapat mengukuhkan kedudukannya sebagai utusan Allah. Baginda adalah tempat tumpuan para sahabat menanyakan hukum-hukum syara'.

PERANAN HADITH TERHADAP AL-QURAN.

Hukum-hukum yang terkandung dalam Hadith, jika diteliti dari segi kesinambungannya dengan al-Quran membawa beberapa perkara berikut :

1. Hadith atau as sunnah merupakan penyokong dan penguat hukum di dalam al-Quran.

Contohnya : hukum wajib sembahyang, puasa, larangan menderhaka kepada ibu bapa, hukum potong tangan terhadap pencuri dan lain-lainnya.

2. Hadith menjelaskan hukum umum dan mujmal yang terdapat di dalam al-Quran.

Contohnya : tentang ibadat haji yang dijelaskan melalui perbuatan baginda. Sabda Rasulullah riwayat Muslim Abu Daud Ibnu Majah dan an-Nasa'I :

“Ambillah daripadaku tentang kerja haji kamu.”

3. Hadith mengkhususkan hukum umum yang terdapat dalam al-Quran.

Contohnya : firman Allah dalam Surah an-Nisa, ayat 11, maksudnya :

“Allah perintahkan kamu mengenai pembahagian pusaka untuk anak-anak kamu.”

Ayat tersebut mengandungi lafaz umum untuk semua anak. Oleh itu hadith mengkhususkannya.

Sabda Nabi s.a.w dari riwayat Ibnu Majah dan at-Tarmizi, maksudnya:
“Pembunuh tidak dapat mewarisi pusaka.”

4. Hadith memuqayyadkan hukum al-Quran yang mutlak.

Contohnya : firman Allah dalam Surah al-Maidah, ayat 37, maksudnya :
“Dan orang lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka.”

Lafaz pencuri dari ayat tersebut bersifat mutlak, maka hadith memuqayyadkannya.

Sabda Nabi s.a.w riwayat Ahmad, maksudnya :
“Tidak dipotong tangan melainkan yang mencuri satu perempat $\frac{1}{4}$ dinar atau lebih.”

5. Hadith membawa hukum baru yang tidak dinyatakan di dalam al-Quran.

Antara contohnya ialah :

- (a) Haram menghimpunkan seseorang dengan emak saudaranya sebagai isteri dalam satu masa.
- (b) Haram daging buas yang bertaring dan daging keldai yang jinak.
- (c) Hukum rejam sampai mati terhadap orang yang telah berkahwin melakukan zina. Di dalam al-Quran Cuma dinyatakan hukuman 100 kali sebat sahaja terhadap penzina.

PEMBAHAGIAN HADITH.

• Hadith dari segi periwayatnya terbahagi kepada DUA bahagian :

1. Hadith Muttasil.

- Hadith yang disebutkan semua perawinya dari awal sanad hingga kepada Rasulullah s.a.w dan tidak seorang pun dari perawinya yang gugur.
- Contohnya : Hadith Mutawatir, Hadith Ahad & Hadith Masyhur.

2. Hadith Ghair Muttasil.

- Hadith yang gugur pada sanadnya seorang perawi atau lebih, sama ada di awal, pertengahan atau di akhir sanad.
- Contohnya : Hadith Mursal, Hadith Munqati', Hadith Mu'adhal & Hadith Mu'allaq.

HADITH MUTTASIL.

Φ Pembahagian hadith ini dapat dilihat dari dua segi dan keadaan :

1. Dari segi bilangan perawi atau sanad.

- Menurut jumhur ulama :

- (a) Hadith Mutawatir.
- (b) Hadith Ahad (dengan dimasukkan Hadith Masyhur).

- Menurut ulama Hanafi :

- (a) Hadith Mutawatir.
- (b) Hadith Masyhur.
- (c) Hadith Ahad.

2. Dari segi sifat perawi atau sanad.

HADITH MUTAWATIR.

DARI SEGI BAHASA : Berturut-turut.

DARI SEGI ISTILAH :

hadith yang diriwayatkan dari Rasulullah s.a.w oleh sekumpulan ramai yang mengikut kebiasaannya mustahil mereka bersepekat memalsukannya di dalam setiap tiga peringkat masa iaitu peringkat sahabat, Tabi'in atau Tabi Tabi'in.

- Adapun selepas tiga peringkat masa ini tidak diambil kira lagi, kerana kebanyakan hadith-hadith Ahad dipindahkan dengan jalan Mutawatir atau Masyhur.
- Ulama tidak sepakat tentang bilangan Mutawatir. Akan tetapi mengikut pendapat kuat bahawa bilangan Mutawatir membawa kepada keyakinan terhadap perkataan-perkataan yang meriwayatkan tanpa dihadkan bilangan yang tertentu.

BILANGAN HADITH MUTAWATIR.

1. Hadith Mutawatir Lafzi. Iaitu hadith yang sama makna dan lafaz, diriwayatkan oleh kumpulan Mutawatir. Seperti hadith, "Barangsiapa yang mendusta ke atasku secara senghaja, hendaklah ia menyediakan tempatnya dari neraka."

2. Hadith Mutawatir Maknawi. Iaitu hadith yang sama makna tetapi berlainan lafaznya dan diriwayatkan oleh kumpulan Mutawatir.

Seperti hadith yang menerangkan bahawa baginda selalu mengangkat kedua belah tangannya ketika berdoa. Hadith ini diriwayatkan lebih 200 orang sahabat dengan lafaz yang berbeza, tetapi membawa makna yang sama.

Ulama sepakat

HADITH MASYHUR.

- Hadith yang diriwayatkan dari Rasulullah s.a.w oleh bilangan Ahad dalam peringkat sahabat dan bilangan Mutawatir dalam peringkat Tabi'in dan Tabi Tabi'in.
- Contohnya hadith riwayat Bukhari dan Muslim dari Umar r.a. Rasulullah bersabda, "Sesungguhnya semua amalan itu hendaklah disertakan niat, dan sesungguhnya bagi setiap seorang itu apa yang dinatkannya."

Hadith ini diriwayatkan oleh Sayidina Umar bin al-Khattab r.a kemudian diriwayatkan darinya oleh kumpulan Mutawatir.

Perbezaan di antara Hadith Mutawatir dengan Hadith Masyhur :

Hadith Mutawatir. Diriwayatkan secara Mutawatir dan bilangan Mutawatir ada di kesemua tiga peringkat masa.

Hadith Masyhur. Tidak diriwayatkan secara Mutawatir dan bilangan Mutawatir, hanya ada pada peringkat Tabi'in dan Tabi Tabi'in sahaja.

HUKUM HADITH MASYHUR.

→ Tidak diyakini sabit dari Rasulullah tetapi ia memberi keterangan dan Zanni yang hampir kepada yakin. Jadi ulama mengatakan bahawa wajib beramal dengan hadith Masyhur dan fasik bagi orang yang mengingkarinya akan tetapi tidak membawa murtad.

→ Oleh itu, menurut ulama Hanafi, harus bagi hadith Masyhur mengqayidkan lafaz mutlaq dan mentakhsiskan lafaz am di dalam al-Quran.

HADITH AHAD.

- Hadith yang diriwayatkan dari Rasulullah s.a.w oleh bilangan yang tidak Mutawatir. Seperti diriwayatkan oleh seorang atau dua atau lebih, tetapi tidak sampai bilangan Masyhur dan Mutawatir di dalam ketiga-tiga peringkat masa.

- Menurut ulama Hanafi, hadith Ahad selain Hadith Mutawatir dan hadith Masyhur.

- Menurut selain ulama Hanafi, hadith Ahad bukanlah hadith Mutawatir.

HUKUM HADITH AHAD.

- Hadith Ahad membawa kepada zanni sahaja dan tidak membawa kepada yakin dan ketenangan. Jadi ulama mengatakan bahawa wajib beramal dengan hadith Ahad sahaja jika sempurna syarat-syaratnya untuk dijadikan hujah syarak, terutama dalam masalah hukum furu' dan bukan masalah iktikad kerana diragui sabitnya.

DALIL WAJIB BERAMAL DENGAN HADITH AHAD.

Firman Allah dalam Surah at-Taubah, ayat 22:

Maksudnya : Oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka, mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

© Dalil hadith.

Rasulullah telah menghantar beberapa orang sahabat ke tempat yang berlainan untuk mengajar hukum kepada manusia. Ini menunjukkan boleh beramal dengan khabar Ahad.

© Dalil Ijmak.

- Para sahabat telah membuat hujah dan beramal dengan hadith Ahad pada kejadian tertentu.
- Menurut kajian, khabar Ahad lebih banyak dari hadith Mutawatir. Jika sekiranya hadith Ahad tidak boleh diterima, maka sudah tentu banyak hukum syarak tidak boleh diamalkan. Sedangkan umat Islam sangat memerlukannya.
- Ahli Quba mempercayai berita yang dikhabarkan oleh orang perseorangan tentang pemindahan kiblat ke kaabah.

KATEGORI HADITH DARI SEGI KEDUDUKAN.

1. Hadith Sahih. Iaitu hadith yang perawinya atau sanadnya tidak terputus-putus, bersifat adil, kuat ingatan dan hafalan, tidak cacat atau tidak melakukan perkara-perkara ganjil.
2. Hadith Hasan. Iaitu hadith yang merangkumi syarat hadith Sahih tetapi perawinya kurang Dhabit.
3. Hadith Dhaif. Iaitu hadith yang tidak lengkap dengan syarat-syaratnya.

KATEGORI HADITH DARI SEGI BILANGAN PERAWINYA.

1. Hadith Masyhur. Iaitu hadith yang diriwayatkan oleh tiga orang walaupun hanya dalam satu peringkat masa dan bilangan perawinya tidak sampai kepada bilangan Mutawatir.
2. Hadith 'Aziz. Iaitu hadith yang diriwayatkan oleh dua orang atau tiga orang dalam peringkat masa.
3. Hadith Gharib. Iaitu hadith yang diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja. Sama ada di awal sanad ataupun di pertengahan sanad.

SYARAT – SYARAT PERAWI.

SYARAT MENERIMA HADITH.

1. Mumayyiz.
2. Dhabit (tepat penghafalan dan kuat ingatan).

SYARAT MEMBERI :

1. Islam.
2. Baligh.
3. Adil.
4. Dhabit.
5. Tidak mudallis.

- Maksud Tadlis dalam matan ialah rawi menambah kata-kata Nabi s.a.w sehingga berlaku kekeliruan orang yang mendengarnya, seolah-olah ianya datang dari Rasulullah.

- Maksud Tadlis dalam sanad ialah jika orang yang memberi hadith itu :

- (a) Menyebut nama yang bukan nama sebenar perawi itu.
- (b) Menyebut nama rawi yang masyhur sehingga orang yang menerimanya menyangka nama

itu adalah nama orang lain (menyebut nama rawi yang terkenal sehingga disangka nama orang lain).

HADITH GHAIR MUTTASIL.

1. Hadith Mursal.

Iaitu hadith pada akhir sanadnya gugur nama seorang rawi, iaitu sahabat (gugur rawi yang pertama).

2. Hadith Munqati'.

Iaitu hadith pada pertengahan sanadnya gugur nama seorang atau dua nama rawinya yang tidak berturut-turut (bukan sahabat).

3. Hadith Mu'dhal.

Iaitu hadith pada pertengahan sanadnya gugur berturut-turut nama dua orang rawi atau lebih (bukan sahabat).

4. Hadith Mu'allaq.

Iaitu hadith pada permulaan sanadnya gugur nama seorang rawi atau lebih.

HADITH MURSAL.

- Iaitu hadith yang diriwayatkan oleh rawi yang adil, akan tetapi sanad atau rawinya tidak bersambung.

- Hadith Mursal yang diakui oleh ulama Usul Fiqh ada dua :

1. Hadith Mursal Sahabi.

2. Hadith Mursal Ghair Sahabi (bukan sahabat).

HADITH MURSAL SAHABI.

© Hadith yang diriwayatkan atau dirisalkan oleh sahabat. Akan tetapi sahabat tidak menyebutkan nama sahabat yang memberikan hadith tersebut.

© Ulama sepakat menerima hadith Mursal Sahabi sebagai hujah, kerana melihat kepada sifat keadilan sahabat dan berkemungkinan sahabat yang meriwayatkan hadith tersebut ada mendengarnya dan Rasulullah s.a.w sendiri.

HADITH MURSAL GHAIR SAHABI.

© Hadith yang diriwayatkan oleh perawi yang bukan terdiri dari sahabat.

© Kebanyakan ulama termasuk Abu Hanifah, Malik dan Ahmad menerima Hadith Mursal Ghair Sahabi sebagai hujah dengan syarat rawinya jujur dan adil. Ini adalah kerana biasanya rawi yang adil meyakini matan hadith yang diriwayatkan itu datangnya daripada Nabi Muhammad s.a.w dan dengan sebab itulah mereka berani menggugurkan nama sesetengah rawinya.

© Ibnu Hibban menerimanya sebagai hujah dengan syarat rawinya daripada orang yang hidup dalam tiga abad pertama hijrah atau daripada ulama-ulama hadith selepas itu kerana mereka ini adalah adil dan dipercayai.

© Imam Syafi'ie menerimanya dengan syarat dirisalkan oleh ulama besar Tabi'in dan dikuatkan lagi dengan sandaran hadith lain atau dengan hadith Mursal lain, atau dengan kata-kata sahabat atau dengan kata-kata ulama yang ramai atau dengan diketahui rawinya yang jujur.

MERIWAYAT HADITH.

• Dalam meriwayatkan hadith, terbahagi kepada DUA bahagian :

1. Hadith yang tidak boleh diriwayatkan dengan makna, iaitu :

→ Hadith Jawami' al Kalam. Iaitu hadith yang mengandungi kata-kata yang ringkas tetapi mempunyai makna yang luas. Seperti hadith, "Ugama adalah nasihat."

→ Hadith yang telah dijadikan kata-kata ibadat seperti hadith tahiyat dan azan.

→ Hadith Mutasyabih. Iaitu hadith yang mengandungi makna yang samar. Seperti hadith, "Tangan Allah beserta dengan kumpulan."

2. Hadith selain dari Hadith tersebut.

→ Menurut jumhur ulama termasuk ulama Mazhab Maliki, Syafi'ie, Ahmad dan Hanafi mengharuskan hadith diriwayatkan dengan makna dengan tepat serta tidak menambah atau mengurangkannya.

→ Sekumpulan ulama Salaf termasuk Ibnu Sirin dan al-Razi mengharamkan hadith diriwayatkan dengan makna kerana ditakuti terpesong dari makna yang asal.

SOALAN.

1. Hadith merupakan sumber kedua penetapan hukum dalam perundangan Islam. Huraikan.

2. Jumhur ulama sepakat mengatakan bahawa Hadith Mutawatir menduduki tempat kedua selepas al-Quran.

(a) Berikan pengertian Hadith Mutawatir.

(b) Jelaskan jenis-jenis hadith mutawatir.

3. Hadith merupakan sumber kedua penetapan hukum dalam perundangan Islam. Jelaskan pengertian hadith dan jenis-jenisnya.

4. Nyatakan kedudukan atau peranan Hadith terhadap al-Quran beserta contoh.

5. Menurut ulama Hanafi, hadith dilihat dari segi perawinya terbahagi kepada tiga. Jelaskan mengenaiinya dan apakah hukum beramal dengannya.

Semoga kita faham dan berbincang dengan lebih objektif dan berhemah.



• [Dinsmann](#)

March 1, 2014 at 11:36 PM | [Permalink](#)

Salam tuan @Wajaperak,

Mohon izin dari tuan punya blog Tun M untuk menjawab ...

“Tun lihatlah dinsman yang berani menyerang Islam..Agama kami dengan angkuh dan sombong..”

Apalah yang hendak disombongkan, kerana Maha Allah segalanya, jasad dan nyawa hanya pinjaman dari-Nya. Terima kasih Allah terhadap nikmat jasad dan nyawa ini. Sedangkan tuan percaya dunia ini pinjam-pinjaman. Pernahkan tuan berterima kasih kepada Allah terhadap jasad dan nyawa yang diberikan?

Jika tuan meminjam dan tidak pernah meminta izin dari Allah menggunakan jasad itu, bukankah itu mencuri namanya? Menggunakan jasad kejadian Allah tanpa izin-Nya? Beranikah saya jika mengambil kesempatan menggunakan blog Tun M yang disayangi ramai rakyat Malaysia ini? Malaysia dengan perundangan Islamnya ini adalah tempat yang paling tidak sesuai untuk mengemukakan pandangan tentang agama oleh sesiapa pun. Blog adalah satu-satunya tempat yang boleh mengemukakan pendapat, itupun sebelum SKMM disunat oleh JAKIM.

“Dengan kedudukan Tun apa ruginya memanggil kami blogger untuk bermuzakarah?”

Muzakarah apa yang boleh blogger seperti tuan tawarkan, sedangkan internet dan facebook adalah ciptaan yahudi?

Adakah dengan muzakarah itu nanti orang Islam boleh mencipta seperti orang-orang bukan Islam yang telah mencipta hampir keseluruhan penciptaan dari handphone, kereta, kapal terbang dan segala macam penciptaan?

“Apa ruginya Tun..”

Sudah tentu amat merugikan masa Tun. Status quo orang Islam tidak akan berubah.

“Ya Allah Ya Tuhanku.”

Allah yang hak, tuhan itu ciptaan manusia, tuhan itu banyak, perkataan batil, tuhan dirujuk di zaman nabi kepada jahiliyah yang menyembah berhala untuk menuju kefahaman kepada Allah. Adakah tuan masih berada di zaman jahiliyah dan menyembah berhala?

Adalah lebih baik menyebut zat Allah, seperti Yang Maha Esa, Yang Maha Berkuasa dan banyak lagi. Jangan campurkan yang batil kepada yang hak.

“Bukankanlah pintu hati kepada penentang-penentang mu.. “

Bagaimanakah pula untuk membuka hati mereka yang berada di jalan yang lurus tetapi jalan yang lurus kepada iblis? Saya menentang Maha Alloh, biar benar pernyataan tuan ini? Alloh adalah Alloh, tiada yang lain selain Alloh. Agama hanyalah perjalanan menuju Alloh. Ikutlah perjalanan agama tuan, saya hanya mengESakan Alloh.

“Syukur dan amat terima kasih atas hidayah mu.”

Maha benar, hanya Maha Alloh yang memberi hidayah. Hanya Maha Alloh juga yang menilai keimanan insan kepada-Nya, bukan insan lain. Jangan cepat berasa betul dan menghukum insan lain. Insan lain itu adalah ciptaan Alloh juga. Menghina penciptaan adalah menghina penciptanya iaitu Maha Alloh. Berhati-hatilah untuk beriman biar sampai mengimani Maha Alloh dengan sebenar-benar keimanan.

Maha terima kasih Alloh ...



• *miawmiawmiaw*

March 1, 2014 at 9:56 PM | [Permalink](#)

Dear azlan,

cara sembahyang di sebutkan dengan nyata di dalam quran. walau bagaimana pon, jika kita hendak mengikut chara sembahyang yang di warisi dari keturunan dulu dulu memang tidak di nyatakan di dalam quran. Penulis2 hadis yang mampu menulis pelbagai hadis tentang permasalahan maknusia pun gagal nak menulis hadis chara2 sembahyang, berapa rakaat, apa yang patut di tuturkan semasa sembahyang dan lain2 perkara yg sepatutnya.

Tidak seperti penulis hadis yang mendakwa, nabi berkata sekian sekian kepada si polan si polan, tanpa ada saksi hidup atau bertulis, adalah selamat kalau kita katakan, ada banyak maknusia yang menyaksikan bagaimana nabi sembahyang, bagaimana nabi menunaikan haji dan lain lain. Perlu juga di nyatakan bahawa nabi muhammad bukan penchipta chara2 sembahyang kerana maknusia telah bersembahyang beribu2 tahun sebelumnya. Jadi apabila perkataan sembahyang di sebutkan oleh nabi muhammad, maknusia memang sudah tahu chara2 sembahyang.

Walaubagaimana pon, di dalam quran di sebutkan kata2 nabi2 bila memohon kepada Allah. Bolehlah di fahami bahawa chara2 yang di sebutkan di dalam quran tentang chara2 sembahyang itu adalah perkara2 wajib untuk menunaikan sembahyang. Di sebutkan, bahawa, berdiri, rukuk dan sujud, di sebutkan jugak mesti mengeluarkan suara tidak terlalu kuat dan tidak terlalu perlahan. Dan satu perkara yang tidak pernah di ambil kisah oleh orang melayu ialah jika kita mesti faham perkataan di dalam sembahyang

Tentang berapa bilangan rakaat, berapa kali kena bacha fatihah dan lain2 tidak dinyatakan di dalam quran. Dan tidak mungkin Allah terlupa nak menyebut tentang bilangan dan pada masa yang sama adakah mungkin Allah akan meyiksa hambanya yang berkurangan bilangan rukuk atau sujud dalam sembahyang. Persoalannya, dari sumber manakah perkara yang tidak dinyatakan di dalam quran yang telah menjadi igama ini?



• azlan95

March 1, 2014 at 8:53 PM | [Permalink](#)

Al Quran menyuruh orang Islam sembahyang. Tetapi Al Quran tidak menjelaskan bentuk sembahyang tersebut. Dari manakah orang Islam dapat maklumat tentang sembahyang mereka?

Azlan
KL



• wajaperak

March 1, 2014 at 7:45 PM | [Permalink](#)

Astaghfirullahalazim.....:(
Amat amat sedihnya saya Tun.
Tun lihatlah dinsman yang berani menyerang Islam..Agama kami dengan angkuh dan sombong..
Tun..Tun.
Dengan kedudukan Tun apa ruginya memanggil kami blogger untuk bermuzakarah?
Apa ruginya Tun..
Ya Allah Ya Tuhanku.
Kau rahmatilah kesemua penyokong hadith dan sunnah.
Bukakanlah pintu hati kepada penentang-penentang mu..
Syukur dan amat terima kasih atas hidayah mu.
Karl,Ahmad,Milshah dan Abu Zaim.
Terima kasih.
Cukuplah Allah yang membalas jasa baik tuan-tuan..

Terima kasih Tun...:(



• miawmiawmiaw

March 1, 2014 at 6:48 PM | [Permalink](#)

Dear Ahmad,

igama jenis apakah yang bersandar kepada cherita2 yang tak ada siapa menjadi saksi, tak ada bahan rujukannya. Cherita2 yang tak ada beza dengan cherita penglipur lara. Adakah kita akan di masukkan ke neraka kerana meragui cherita2 dari kaum yang terkenal dengan temberang mereka?

Apabila posmen menghantar surat kerumah, surat yang mengandungi arahan yang lengkap, surat yang menjelaskan panduan hidup untuk maknusia beribu2 tahun, perlukah kita mengkagumi posmen tersebut, perlukah kita mengetahui latarbelakang posmen tersebut. Apa beza posmen tersebut berbanding dengan posmen2 lain. Kenapa posmen yang menghatar surat tu lebih mulia dari posmen yang menghantar surat di rumah jiran minggu lepas?

Adakah surat yang di bawa oleh posmen tersebut sangat susah di paham? hanya orang2 tertentu saja yang boleh faham? Kalau begitu kenapa surat tersebut di hantar kepada kita, lebih baik di alamatkan kepada pendita masyarakat

Igama yang bersandar kepada sumber cherita yang tah apa apa ini telah menyebabkan orang islam yang pintar dan bijak pun boleh berfikir dan melakukan perbuatan seperti orang tidak waras. Igama yang bersandarkan kepada cherita penglipur lara inilah yang menyebabkan islam menjadi bahan lawak jenaka dan ketawa oleh orang bukan islam. Machamana nak melawan hujah dan tuduhan mereka yang nabi kawin dengan budak, nabi kawin banyak2 selepas ketiadaan Khadijah kerana tak berani kawin semasa Khadijah masih hidup, sanggup bergolok bergadai untuk membaling shaitan di negeri arap walau pon jiran sebelah hidup kelaparan? Ini belom masok keperchayaan kepada burong garuda atau kuda terbang, batu meteor penyerap dosa atau ayer ajaip dari negeri arap.

Aakah cherita2 pelek begini terkandung di dalam Quran, atau ianya sebenarnya cherita2 penglipur lara yang telah di jadikan igama.



March 1, 2014 at 5:34 PM | [Permalink](#)

Tun menyarankan kita perlu menolak hadith hadith ,walau pun sahih,tapi ia bertentangan dengan Al Quran.

Hadith berhubong dengan hukum Hudud.,Rasuallah melalukan rejam dengan batu sampai mati,dalam kes Muiz,ini bertentangan dengan Al Quran.adakah kita perlu menolaknya.

Persoalannya jika apa yang dilakukan oleh Rasuallah itu salah,sudah tentu Allah akan menurunkan wahyu untuk membetulkannya.

Ada empat kesalahan yang di lakukan oleh Rasuallah saw dan wahyu diturunkan untuk membetulkan kesalahannya.

Sifat Rasuallah saw itu maksum,ia tidak boleh melakukan kesalahan.

Dalam mempelajari Alquran dan Hadith kita memerlukan guru untuk memberi panduan.Jika kita berlajar dengan membaca buku dan internet tanpa panduan dari guru,maka jadilah kita saperti Kassim Ahmad.

10 tahun dahulu kita mengadakan debat dengan Kassim Ahmad.Dia membuat kenyataan berikut.

Kita tidak perlu menyebut saw apabila menyebut nama Rasuallah kerana Rasuallah saw adalah manusia biasa seperti saya. Bila kita menjawab ianya pesuruh Allah. Kasim berkata Rasuallah juga ada melakukan kesalahan.

Bila kata apabila Rasuallah melakukan kesalahan Allah menurunkan Wahyu untuk membetulkannya.

Dia tak boleh menjawab.

Kassim jua mengaku ia belajar agama dengan membaca buku terjemahan dan tidak ada berguru kerana ia berkata semua guru agama tidak betul tafsirannya Al Quran.

Kassim juga mengaku yang ianya juga membaca terjemahan Quran dan bukan tafsirnya. Ia tidak tahu berbahasa Arab. Kassim juga mengaku yang ianya confuse dengan terjemahan yang berbeza bila ia membaca terjemahan Quran dari pertjenmah yang belainan.

Ini bermaana Kassim akan terus menjadi manusia yang confuse jika ia tidak mahu menggunakan guru untuk membetulkan fahaman nya yang salah.

Pengompolan Hasith oleh Bukhari, Muslim, Termizi bermula 200 tahun selepas kematian Rasuallah saw. Tapi pengumpulan Hadith telah bermula lebeh awal dari itu. Imam Malek yang tinggal di Madinah sudah mula mengumpokkan hadith lebeh 100 tahun awal dari Bukhary.

Sawaktu Rasuallah maseh hidup memang ia melarang hadith di tulis, ini kerana quran maseh belum lengkap di turunkan, jadi Rasuallah takut ianya bercampur aduk dengan Hadith. Samasa Khalifah Umer dan Ali, jelah mereka memerintah supaya Hadith ini di tulis kerana empayer Islam mula berkembang denga. Luas. ini untuk mengelakkan hadith hadith ini hilang dari ingatan kaum muslim.

Bukhary, muslim Termizi telah berjaya membuar tekah berjaya mencipta scientific methology bagaimana untuk mengenal Hadith yang sah dan palsu. Bukhary bagiktu takut kepada Allah untuk menulis hadith yang di pileh itu sahingga ia sembayang dua rekaat setiap hadis yang di pilehnya untuk di tulis sabagai Sahih.

Yang peleknya kita dengan mudah menolak hadith hadith sah ini tanpa Takut kepada Allah.

Salam



March 1, 2014 at 5:27 PM | [Permalink](#)

Dear all,

Muslims should not be judgmental and respect differing opinions of another Muslim as long as it does not go beyond the fundamental teachings of Islam. Even the sahabah 'the companions' have differing opinions between themselves. We should alwiz remember, that in one of the verses in the Quran, Allah said :

“And hold firmly to the rope of Allah all together and do not become divided.” (‘Ali ‘Imran: 103)

Tun dear, critics would always find their way, but please don't let this to get in the way of your jihad in building a better muslim ummah. Thanks so much for what u've done to us all as a nation.

-Fikri-



• [musato](#)

March 1, 2014 at 3:20 PM | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun.

Saya baru sudah baca apa yang diperkatakan oleh Kassim Ahmad.

Saya berpendapat beliau menyeleweng dari pandangan Ahli sunnah wal jamaah.

Setakat kalau nak cerita pasal hadith yang bertentangan dan perlu pada penilaian semula, dalam tv9 pagi pagi pun ustaz ada beritahu memang ada pertentangan hadith yang tertentu termasuk hadith yang diriwayatkan oleh Aishah r.a sendiri.

Semua ini bukan eksklusif sangat. Cuma pergilah cari guru yang benar. Jangan berguru dengan guru agama yang cari makan melalui politik.

Saya tak fikir label pada Kassim Ahmad boleh disamakan dengan cerita Tun yang dilabel macam macam.

Terima kasih Tun.



• [Dinsmann](#)

March 1, 2014 at 2:43 PM | [Permalink](#)

Salam kepada Tun yang dihormati,

1. Hukum hakam adalah amalan buruk agama Islam sejak penutupan ijtihad di kurun ke-13 oleh ulama-ulama yang berkepentingan politik. General El-Sisi Mesir menyedari kekalutan ini, tetapi tidak mungkin melihat secara halus bagaimana untuk menyelesaikan kemelut ini. Kejadian di Mesir harus memberi pelajaran kepada umat Islam, bahawa Alloh sudah TIDAK LAGI mendengar dan meredhai doa ulama-ulama besar Al-Azhar dan ulama-ulama Arab secara umumnya, walaupun Quran itu berbahasa Arab.

Hanya satu opsyen sahaja, iaitu membuka semula ijihad dan menstruktur semula kefahaman Islam, melalui pemahaman sebenar dari Quran. Zaman akhir ini sudah pasti sedia ramai bijak pandai dalam Islam dan mereka tidak berada di zaman jahiliyah yang ketika masih mengkagumi bahawa langit tiada bertiang. Ini boleh membuang kefahaman menggunakan binatang korban melintasi siratul-mustaqim.

2. Berani kerana merasakan benar, berani juga jika mempunyai kekuatan dari segi sokongan dan material. Bagi orang biasa seperti saya masih mempunyai naluri takut untuk pertahankan diri dari undang-undang yang bias dan buas.

3. Sifat menganggap diri berilmu dan merasa lebih suci dari yang lain, maka menghukum dan melabel sudah menjadi hobi, tanpa sedikit pun berasa bersalah dan mengeneipkan sifat Maha Alloh Maha Pengasih Penyayang.

4. Maha Terima Kasih Alloh, Tun telah mengedepankan sesuatu perbincangan, satu bentuk perjumpaan untuk memajukan kefahaman kepada Alloh Yang Maha Esa.

5. Hanya satu penilaian yang mereka amalkan, dengan menggunakan nafsu dari keangkuhan mempelajari sedikit dari orang yang dikatakan ulama.

6. Alloh telah menceritakan peranan Yahudi dan Nasrani dalam Quran, kerana golongan inilah yang wujud di sekeliling Nabi, ada juga yang memasuki Islam dengan tujuan tertentu. Merekalah yang berjaya memporakperandakan Islam kerana mereka terlebih dahulu memahami Maha Pencipta, sehingga mempengaruhi tulisan ulama-ulama Islam. Sedangkan nama Hawa pun dari mereka begitu juga tentang kepercayaan rupa bentuk malaikat yang bersayap. Jika Islam mengenal pokok khuldi, Nasrani menamakan pokok pengetahuan atau pokok kehidupan. Kepercayaan Iblis berjaya kembali ke syurga menggoda pasangan Adam dan Hawa, pada hal Maha Alloh Maha Berkuasa, tidak mungkin Iblis berjaya mamasuki syurga dan menggoda mereka.

7. Maksud Islam adalah berserah atau tunduk kepada Alloh. Orang yang berserah kepada Alloh dan beriman pula kepada Alloh adalah orang yang berserah iaitu Islam. Tidak kira siapa mereka. Islam adalah sebagai cara hidup, dijadikan agama oleh manusia supaya mereka boleh bergolongan dan berpuak dan seterusnya berbunuhan. Adakah Alloh yang lain mencipta dan mengurus 5 bilion manusia yang bukan "Islam", sedangkan Alloh berkata "manusia itu semulia-mulia kejadian", ciptaan-Nya yang amat disayangi-Nya?

8-9-10-11. Kefahaman yang berkata sanggup bekerjasama dengan syaitan ini, bila dirinya merasa benar-benar mengenal Alloh dan memahami bahawa Maha Alloh mencipta segalanya, dan keseluruhan ciptaan Maha Alloh itu Maha Alloh ciptakan tanpa ada satu pun yang sia-sia termasuk iblis, setan dan jin. Tetapi dia lupa bahawa setan itu adalah berasal dari manusia juga dan hatinya sudah diduduki setan. Dia sudah menjumpai jalan yang lurus, bukan jalan lurus menuju Maha Alloh tetapi jalan lurus menuju Iblis. Akan terlihat berwajah alim dan baik tetapi berhati setan dan akan terus menyesatkan yang lain.

12-13. Orang Islam paling banyak munafik, kerana hanya muslim sahaja yang munafik kerana kedudukan bagi manusia yang tidak beriman sudah pasti kedudukannya sebagai kafir. Maha Alloh sudah memberitahu dengan jelas bahawa di akhirat esok ramai penghuni neraka adalah dari kalangan alim ulama, tetapi hingga sekarang masih mengabaikan kata-kata Alloh itu, dengan maksud alim ulama Islam engkar terhadap Alloh. Ayat 4:79 jelas mengatakan

segala yang buruk itu adalah dari insan. Tidak mungkin Allah mencarut, membenci dan marah. Beribu tahun membaca bismillah tetapi masih mencampurkan yang batil iaitu mencarut, membenci, marah dan memberi azab kepada yang hak iaitu Yang Maha Pengasih dan Penyayang. Quran harus difahami dan Allah memberi contoh-contoh azab kepada umat-umat dahulu, sebagai peringatan supaya umat sekarang sedar bahawa semuanya adalah angkara manusia itu sendiri, bukan dari Maha Allah.

Kerana kita dari-Nya dan akan kembali kepada-Nya, itu sebab kita manusia ini semulia-mulia kejadian dan dilantik sebagai khalifah, wakil Allah di bumi ini untuk menjaga kesejahteraan seluruh umat manusia, bukan khalifah kefahaman ulama yang menghukum manusia mengikut hawa nafsu setan mereka.

14-15-16. Rejaman batu sebagai hukuman kepada pezina adalah dari Injil, ulama Islam hanya meniru dari pendeta Yahudi dan Nasrani di masa ulama-ulama ini sedang berkobar-kobar mencipta perundangan Islam selepas dihalau dari Cordoba Andalusia dan seterusnya menutup pintu ijtihad. Imam Syafei dan seterusnya Imam yang empatlah yang bertanggungjawab terhadap kedudukan Islam yang sangat hina dan dhaif sekarang ini. Beriman hanya kepada Allah dan Rasulullah hanya seorang penyampai. Terima kasih Allah kerana menghadirkan Rasulullah sehingga manusia sejagat kenal kepada Islam.

17-18-19-20-21. Allah sentiasa memberi ruang dan peluang kepada manusia untuk menjadikan dirinya baik dan lebih baik. Takdir itu adalah hak Allah bukan hak insan, insan tidak boleh menyerah kepada takdir, melepaskan dirinya dan menyalahkan Maha Allah. Insan mesti berusaha menjadi lebih baik kerana insan itu khalifah.

22-23-24-25-27. Kematian hanya pelupusan nyawa dan jasad, insan sebagai roh yang berjiwa tidak mati. Inna lillahi wainnailaihirajiun. Dari Allah datang kepada Allah kembali. Kembali dengan jiwa yang suci, bukan dengan bekalan akhirat kerana Maha Allah sudah menyediakan segala-galanya di akhirat. Bekalan amal itu insan gunakan di dunia ini untuk mensucikan jiwanya, iaitu menjadi baik. Bekalan amal itu untuk dirinya, bukan untuk Allah kerana Allah maha segala-galanya.

Tidak kiralah apa brand yang mereka berikan kepada Tun kerana mereka merasa amat berkuasa, pada hal mereka tiada kuasa untuk berkuasa kerana segala kuasa adalah dari Maha Allah juga. Tun yang dihormati, kita insan hanya mengharapkan keredhaan Maha Allah yang mengatasi segala pahala yang dikira-kira. Terima kasih kerana telah menjadi seorang pemimpin kami. Maha Terima Kasih Allah.

@teknoprat

Insan yang sempurna adalah yang menggunakan akal fikirannya, kerana segalanya dari Maha Allah. Segala penciptaan di dunia ini adalah dari Maha Pencipta yang memberi pemikiran kepada insan. Insan yang bangga dan sangat mengkagumi kejadian dan ciptaan Maha Allah adalah sebenarnya insan yang beriman kepada Allah. Dan secara kebetulan hampir semua ciptaan, contoh handphone, kereta, pesawat, elektronik malah hampir semuanya dicipta oleh insan bukan Islam. Merekalah yang sangat mengkagumi penciptaan Allah. Hanya mereka bertuhankan ciptaan Allah juga dan diri mereka sendiri (nafsu).



• *miawmiawmiaw*

March 1, 2014 at 2:25 PM | [Permalink](#)

arab tak pernah keluar dari zaman jahiliah. Masa adanya nabi muhammad, mereka keluar sekejap, selepas itu masuk balik mengamalkan kehidupan jahiliah sehingga hari ini. Jahiliah yang di amalkan atas nama tuhan dan atas nama nabi. Pada mereka igama adalah perniagaan

melayu yang terkenal dengan perasaan rendah diri hanya mengamalkan konsep monkey see monkey do. Ikot dan pasti masuk shurga. Mereka lebih rela jalan beramai2 menuju keperigi buta dari berjalan seorang diri dengan menggunakan panduan yang betul.

Nabi di tudoh sebagai pengamal ajaran sesat oleh masyarakat sekeliling semasa menyiarkan igama. Sejarah tidak pernah gagal untuk di ulangi semula. Di dalam masyarakat yang sanggup mempertahankan keperchayaan nenek moyang yang telah di jadikan igama sehingga titisan darah yang terakhir, sila bersiap sedia untuk menghadapi resistance yang bukan kepalang yang biasanya di kepalai oleh mereka2 yang mempunyai faedah dan menchari makan dengan amalan tersebut



• *abu zaim*

March 1, 2014 at 1:12 PM | [Permalink](#)

Salam Tun dan semua yang muslim, InshaAllah penerangan ini menjawab soalan 14-16. Ini kerana point ini adalah pokok kepada tulisan Tun yang menyoal integriti hadis sahih digunakan dalam merejam mati penzina yang dah berkahwin.

Allah Azza wa Jalla berfirman, “Laki laki yang mencuri dan perempuan yang mencuri potonglah tangan keduanya” – Al Maidah (5):ayat 38. FirmanNya pula, “Perempuan yang berzina dan laki laki yang berzina maka deralah tiap tiap salah seorang dari keduanya seratus kali dera” – An Nur (24) ayat 2.

Apabila kita hanya berpegang kepada kitab Allah, nescaya kita akan memotong setiap orang yang melakukan pencurian bagaimana kecil barang yang dicuri. Begitu pula kita akan mendera semua orang yang patut dikatakan penzina. Akan tetapi kita dapati Nabi saw memotong tangan pencuri barang senilai 1/4 dinar, baginda tidak memotong tangan pencuri yang mengambil barang dengan nilai kurang daripada itu, begitu pula beliau merejam dua orang berzina yang pernah bernikah (tidak kepada yang belum), maka hal ini kita jadikan petunjuk bahawa yang dimaksudkan Allah swt untuk dipotong tangannya dan didera hanyalah sebahagian pencuri dan penzina.

Jawapan ini bukan dari saya tapi diberikan oleh seseorang kepada Tun kerana Tun hanya berpegang kepada kitabullah. Orang itu ialah Imam As Syafi'e rahimullah. Ringkasan kitab al

Umm – jilid 3 ms476- Pustaka Azzam – Kitab ini ringkasan dan terjemahan bahasa Indonesia.

Bagaimana pelaksanaan terhadap sesuatu hukum hudud tertakhluk kepada syarat-syarat pelaksanaan. Setiap hukum pada asalnya hanya kepada orang yang berakal dan baligh(mukallaf). Ini bermaksud budak budak dan orang gila tidak disabitkan hudud. Dan berbagai lagi syarat pelaksanaan bersandarkan kepada perbuatan Nabi saw. Ini semua berdalil hadis. Satu-satu hukum lain syaratnya, syarat syarat hudud zina tidak sama dengan syarat hudud curi. Jika kita tidak melihat kepada hadis perlakuan Nabi saw dan hanya kepada Al Quran bagaimana kita akan berlaku adil? semua orang dipotong tangan bila mencuri tak kira anak kecil, orang gila, anak sendiri, rakan kongsi, orang miskin yang kebuluran dalam waktu kebuluran atau orang yang hanya mencuri RM2 atau susu untuk anaknya. Adakah ini hukum yang adil? Dimanakah datangnya keadilan hukum itu? ianya dari hadis Nabi saw.

Al Hasyr(59) ayat 7.
Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya

An Najm (53)ayat 3-4
Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan ugama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya. Seterusnya, Ali Imran (3) ayat 31, "Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku" dan Al Ahzab (33)ayat 21, "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik".

